

PERANAN INSTITUSI: MODAL INSAN, DAYA SAING DAN KEUSAHAWANAN DIGITAL DALAM PEMBANGUNAN USAHAWAN WANITA BERJAYA

Nor Azira Ayob
Universiti Teknologi MARA,
Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi,
UiTM Seremban 3, Negeri Sembilan, Malaysia
Email: norazira@uitm.edu.my

Mohd Amar Aziz
Universiti Teknologi MARA,
Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi,
UiTM Raub, Pahang, Malaysia
Email: amaraziz@uitm.edu.my

Noor Hadzlida Ayob
Department of Malaysia Studies,
Faculty of Human Sciences, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Perak, Malaysia
Email: hadzlida@fsk.upsi.edu.my

Siti Nur Fathanah Abd Hamid
Universiti Teknologi MARA,
Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi,
UiTM Seremban 3, Negeri Sembilan, Malaysia
Email: fathanah@uitm.edu.my

Yarina Ahmad
Institute for Biodiversity and Sustainable Development (IBSD),
Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor, Malaysia
Email: yarina@uitm.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan faktor modal insan dan daya saing serta peranan institusi dalam memastikan peningkatan prestasi usahawan wanita. Seiring dengan perkembangan dan kemajuan negara, aspek keusahawanan berkembang seiring dengan peredaran dan peningkatan teknologi dan mutakhir ini keusahawanan digital menjadi topik perbualan popular. Umumnya, terdapat pelbagai usaha yang telah dilaksanakan oleh kerajaan bagi membangunkan usahawan wanita terutamanya dari sudut peningkatan prestasi usahawan. Namun penyertaan wanita dalam bidang keusahawanan dilihat masih kurang menyerlah. Ironinya, pembangunan modal insan dan daya saing serta penggunaan digital terkini adalah ditekankan bagi peningkatan prestasi pengusaha melalui kreativiti dan inovasi yang dilakukan oleh pengusaha. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji faktor modal insan, daya saing dan penggunaan teknologi sebagai daya kreativiti serta peranan institusi sebagai agensi pengantara bagi membantu usahawan dalam mempertingkatkan prestasi dan mengembangkan bakat pengusaha wanita menjadi usahawan berjaya seiring dengan Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN2030). Kajian ini menggunakan pendekatan kepelbagaian kaedah yang berbentuk penjelasan bermula dengan pendekatan kuantitatif (soal selidik) dan diperjelaskan lagi dengan hasil dapatan kualitatif (temu bual). Hasil penemuan kajian mendapati aspek modal insan dan daya saing adalah sangat penting dalam memastikan keberjayaan usahawan wanita dalam perusahaan yang dijalankan. Namun tidak dinafikan, peranan institusi dalam memastikan peningkatan prestasi usahawan wanita adalah sangat relevan. Penemuan turut mendapati pihak-pihak berkaitan dapat merangka dan melaksanakan tindakan-tindakan susulan yang bersesuaian agar prestasi usahawan wanita dapat ditingkatkan. Kejayaan usahawan dilihat dari sudut keuntungan tahunan perniagaan, membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat sekeliling, dapat mengubah gaya hidup diri dan keluarga menjadi lebih baik. Oleh itu, modal insan dan daya saing adalah sangat mempengaruhi prestasi usahawan wanita di samping penggunaan teknologi digital serta peranan institusi terlibat turut mempengaruhi. Diharapkan dengan penemuan kajian dapat memberi gambaran sebenar dan seterusnya membantu pihak-pihak yang berkaitan dalam merangka dan melaksanakan tindakan-tindakan susulan yang sewajarnya di samping dapat menggubal dasar sokongan dan program yang bersesuaian agar prestasi usahawan wanita dapat ditingkatkan.

Kata Kunci: Modal insan, daya saing, institusi, usahawan wanita, keusahawanan digital

PENGENALAN

Kajian mengenai keusahawanan semakin menjadi suatu yang signifikan dan bermanfaat kepada ekonomi politik dan pembuatan dasar. Menyedari sumbangan industri ini kepada ekonomi negara, kerajaan berusaha dengan menyediakan pelbagai peluang dan bantuan untuk menggalakkan rakyat Malaysia terutamanya kaum Bumiputera dan tumpuan kepada golongan wanita untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan di peringkat mikro berkembang ke peringkat kecil dan seterusnya ke peringkat sederhana malah sehinggalah ke skala besar dan antarabangsa. Oleh yang demikian, bagi meningkatkan penyertaan pengusaha

wanita, faktor modal insan dan daya saing adalah diperlukan. Faktor-faktor ini juga merupakan faktor yang dilihat sebagai faktor yang dapat menyumbang dan mempengaruhi prestasi usahawan.

Keusahawanan merupakan suatu faktor yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan daya saing. Sehubungan dengan itu, menyedari kepentingan aktiviti keusahawanan yang mampu menyumbang kepada pendapatan dan keamanan negara, kerajaan Malaysia telah memberi tumpuan kepada pembangunan dan aktiviti keusahawanan sehingga kini. Kerajaan berusaha untuk melaksanakan dan merangka beberapa dasar kerajaan yang memberikan penekanan terhadap bidang keusahawanan untuk memajukan sektor ekonomi dan sosial usahawan seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB), Dasar Pembangunan Nasional (DPN) dan Dasar Wawasan Negara (DWN) yang bertujuan untuk memberi sokongan terhadap pembangunan keusahawanan di Malaysia. Kerajaan tidak hanya memberikan galakan terhadap pembangunan keusahawanan malah memberikan galakan pengiktirafan kepada usahawan dengan kerjasama pelbagai kementerian dan agensi yang terlibat bagi meningkatkan daya saing pengusaha wanita yang terlibat dalam aktiviti keusahawanan.

Selaras dengan perkembangan dan perubahan yang berlaku dalam sistem ekonomi di peringkat global, misi nasional telah mengenal pasti pembangunan modal insan dan daya saing sebagai salah satu teras utama dalam membawa transformasi negara kepada ekonomi berasaskan pengetahuan. Justeru, bagi meningkatkan prestasi pengusaha, kerajaan menekankan aspek modal insan dan daya saing dalam aktiviti keusahawanan masa kini. Hal ini kerana, menurut Abdullah (2007) modal insan merupakan aset yang boleh disuntik nilai tambahnya, boleh ditingkatkan nilai inteleknya serta diperkaya nilai budayanya dan melibatkan pembangunan sumber manusia yang dibangunkan melalui pelbagai program seperti pendidikan dan latihan, pengalaman perniagaan, sokongan keluarga dan kreativiti. Manakala, daya saing merujuk kepada kesungguhan, kemampuan, kesanggupan untuk memiliki sesuatu dan merebut peluang tanpa membiarkan peluang tersebut hilang. Justeru, peranan institusi dalam memberikan bantuan berbentuk kewangan dan bukan kewangan adalah penting dalam meningkatkan prestasi pengusaha. Keadaan ini memandangkan prestasi pengusaha dilihat dari tiga sudut utama iaitu kekuatan kewangan, perubahan gaya hidup yang lebih baik dan tanggungjawab sosial yang mampu diberikan kepada masyarakat seperti membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat (Walker & Brown 2004). Kajian Norain & Nooriah (2012) dan Fernandez & Mauro (2000), menyatakan wujudnya hubungan positif di antara modal insan dengan daya saing yang mana mereka merumuskan modal insan dan daya saing yang baik dapat meningkatkan pendapatan dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dengan kerjasama institusi. Oleh yang demikian, adalah penting faktor modal insan dan daya saing ditekankan memandangkan faktor-faktor ini dapat meningkatkan prestasi mereka menjadi usahawan yang berjaya (Nor Azira et al., (2023), Isma Addi & Mohamad Zahir 2011).

Hari ini, perkembangan teknologi digital terkini telah membawa perubahan model perniagaan sedia ada dan penciptaan baharu, pengenalan produk dan perkhidmatan baharu serta peningkatan kecekapan proses perniagaan yang akhirnya menjadikan perniagaan lebih berdaya saing. Peralihan ekonomi sedia ada kepada ekonomi digital adalah penting bagi mempercepatkan pertumbuhan ekonomi tempatan dan nasional, dengan tenaga penggerak kebanyakannya adalah pengusaha kecil dan sederhana. Justeru, bagi merealisasikan tujuan untuk memastikan pengusaha terlibat dalam perusahaan yang melibatkan teknologi terkini, pihak kerajaan telah melancarkan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) yang memperuntukkan RM700 juta bagi pembangunan platform perniagaan digital menerusi pemberian geran dan pinjaman kepada syarikat berstatus Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) serta syarikat peringkat pertengahan untuk menerapkan penggunaan teknologi digital dalam operasi dan saluran perdagangan mereka. Sokongan ini secara tidak langsung memberi tumpuan penting untuk meningkat dan merangsang daya tahan ekonomi digital negara, seterusnya membantu pengusaha serta perniagaan hari ini.

PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian mengenai usahawan wanita dilihat masih kurang di Malaysia berbanding di negara barat seperti Amerika dan Kanada terutamanya apabila kerajaan menetapkan dalam Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN2030) untuk meningkatkan keupayaan usahawan tempatan dalam Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Penyertaan usahawan wanita berdaftar juga kurang berbanding usahawan lelaki dan fenomena ini diperkukuhkan oleh statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (2022) yang mana sektor PKS di Malaysia dimonopoli oleh golongan lelaki dengan perbezaan yang ketara. PKS milikan wanita mencatatkan sebanyak 20.6 peratus berbanding pengusaha lelaki (SME Corp, 2022). Walaupun berlaku peningkatan aktiviti keusahawanan dalam kalangan pengusaha wanita, masih terdapat kekurangan kajian berkaitan yang menekankan kepada aspek modal insan dan daya saing serta penekanan terhadap penggunaan teknologi dalam kalangan pengusaha wanita serta peranan institusi ditekankan. Peranan institusi yang bertanggungjawab dalam usaha membangunkan usahawan dalam kalangan pengusaha wanita dilihat kurang memberi tumpuan terhadap pembangunan pengusaha wanita semata. Keadaan ini menunjukkan, walaupun terdapat institusi yang memberi tumpuan kepada pembangunan usahawan wanita, tetapi masih kurang berkesan dalam memastikan pengusaha wanita meningkat seiring dengan pengusaha lelaki. Tidak dinafikan, usahawan lelaki lebih menunjukkan peningkatan dalam memulakan dan mengembangkan perniagaan berbanding pengusaha wanita, walau bagaimanapun prestasi pengusaha wanita dilihat lebih baik berbanding pengusaha lelaki terutamanya dalam proses bayaran balik pinjaman dan mempunyai kedudukan kewangan yang lebih baik.

Menyedari kepentingan peranan tersebut, pelbagai dasar dan program sokongan telah dibangunkan oleh kerajaan bagi menyokong pembangunan PKS yang melibatkan pelbagai kementerian dan institusi seperti Kementerian Pembangunan Usahawan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan kerjasama institusi seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA), Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), TEKUN Nasional, SME Bank dan sebagainya. Dalam pembangunan usahawan dan aktiviti keusahawanan, MARA merupakan sebuah institusi yang bertanggungjawab sepenuhnya dalam memberikan bantuan dan sokongan kepada kaum Bumiputera dalam usaha membangunkan pendidikan dan aktiviti keusahawanan. Institusi ini bertindak sebagai institusi yang memberi kemudahan kredit tanpa faedah kepada para usahawan untuk memulakan, mengembangkan perniagaan, bantuan premis dan pelbagai skim pinjaman dan bantuan

tanpa mengambil kira kedudukan gender. Selain itu, AIM juga merupakan salah sebuah agensi yang memberi bantuan istimewa kepada golongan usahawan wanita. Justeru, berlaku peningkatan dalam pembabitan usahawan wanita yang berdaftar yang mana pengusaha ini terlibat dalam pelbagai aktiviti perniagaan seperti pemprosesan makanan, perkhidmatan, kraftangan dan sebagainya (Thuwaibah et al. 2007). Selain itu, aktiviti perusahaan digital hari ini turut diketengahkan memandangkan dunia masa kini semakin maju dan pengguna lebih mudah untuk membuat pembelian melalui dalam talian. Perniagaan digital telah wujud seawal 90-an ketika internet digunakan secara komersial di seluruh dunia. Laman sesawang yang mulanya mempamerkan maklumat, menjadi platform menjalankan perniagaan. Kesenambunagn daripada perkembangan ini, pengusaha perlu lebih kreatif dan menerapkan aspek modal insan dalam menguruskan perusahaan dan seterusnya dapat meningkatkan prestasi perusahaan. Bagaimanapun, kreativiti dalam kalangan usahawan wanita masih lagi dilihat kurang memberangsangkan dalam menguruskan perniagaan hari ini serta perlu lebih kreatif dan inovatif bagi memastikan perniagaan sentiasa kekal relevan dan bersaing dengan dengan saingan (Nor Azira et al., 2016).

Oleh yang demikian, dengan terlaksananya Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN 2030) yang telah dilancarkan oleh YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad, pada 11 Julai 2019 merupakan suatu dokumen dasar pertama oleh kementerian yang baharu ditubuhkan iaitu Kementerian Pembangunan Usahawan (MED), sejajar dengan fungsi Kementerian iaitu untuk menggubal dasar pembangunan komuniti keusahawanan yang inklusif dan kompetitif, khususnya dalam sektor PKS, yang mampu bersaing di pasaran global, serta merangsang pembangunan kumpulan B40 dan usahawan sosial. Kesenambungannya, DKN 2030 akan menjadi pemangkin untuk memacu budaya keusahawanan di negara ini, dengan matlamat utama mewujudkan ekosistem keusahawanan yang holistik dan kondusif bagi menyokong agenda sosioekonomi yang inklusif, seimbang dan mampan. DKN 2030 adalah menyasarkan untuk meningkatkan bilangan usahawan yang berkelayakan, berdaya maju dan berdaya tahan serta meningkatkan keupayaan usahawan tempatan, terutamanya dalam sektor PKS, seiring dengan konsep kemakmuran bersama oleh Kerajaan. Kesenambungan daripada hal yang tersebut terdapat 3 persoalan kajian seiring dengan objektif utama yang dibentuk antaranya:

Terdapat tiga (3) persoalan kajian yang dibentuk antaranya adalah:

1. Adakah modal insan, daya saing dan keusahawanan digital dapat mempengaruhi prestasi usahawan wanita?
2. Sejauhmanakah perkembangan teknologi dan penggunaan internet digunakan dalam menguruskan dan mengembangkan perusahaan dalam mempengaruhi prestasi usahawan wanita?
3. Bagaimana peranan institusi memberi kesan terhadap peningkatan prestasi usahawan wanita?

Tiga (3) objektif utama kajian ini adalah untuk

1. Mengkaji sama ada modal insan dan daya saing mempengaruhi prestasi usahawan wanita.
2. Menganalisis sama ada penggunaan teknologi terkini digunakan sebagai daya kreativiti pengusaha dalam mengembangkan perusahaan dan mempengaruhi prestasi usahawan wanita.
3. Menganalisis bagaimana peranan institusi memberi kesan terhadap peningkatan prestasi usahawan wanita.

ULASAN KARYA

Peranan Institusi dan Kesungguhan Kerajaan

Peranan institusi telah menjadi topik yang sangat penting dalam ekonomi pembangunan dalam tempoh 10 sehingga 15 tahun yang lalu. Ia adalah kesinambungan daripada *new economic institution* pada tahun 1980-an dan semakin berkembang pada tahun 1990-an dan sering dibincangkan dari aspek pembangunan ekonomi dan institusi adalah berperanan dari peringkat pusat bagi pembangunan ekonomi (Stein 2008). Chang (2001), Chang & Evans (2005) melihat institusi adalah berperanan dan merupakan penentu utama kepada prestasi ekonomi. Menurut Chang (2010), hubungan di antara institusi dan pembangunan ekonomi adalah penting yang mana institusi akan meningkatkan kebebasan pasaran dan melindungi hak kepemilikan untuk pembangunan ekonomi yang lebih baik. Justeru, bagi memastikan peraturan yang dibentuk ini dipatuhi dan melindungi hak kepemilikan, agensi yang dipertanggungjawabkan adalah perlu ditubuhkan bagi mengawal selia perkara tersebut. Keseluruhan aspek ini dikenali sebagai penyusunan institusi.

Dengan adanya institusi, pembangunan ekonomi menjadi bertambah baik dan menjadi pemangkin kepada kemajuan serta mampu mempromosikan pembangunan ekonomi. Sebagai contohnya, negara kaya melihat peranan institusi adalah sangat dominan dan menjadi pra-syarat kepada pembangunan ekonomi (Chang 2010). Selain itu, bagi memenuhi objektif pembangunan ekonomi, institusi adalah berperanan dalam memberi bantuan berbentuk kewangan dan bukan kewangan, seperti bantuan prasarana dan infrastruktur, perindustrian atau pemberian bantuan kewangan dan secara tidak langsung merangsang kepada pembangunan ekonomi. Justeru, dapat disimpulkan peranan institusi dan pembangunan ekonomi adalah sangat penting dan saling berhubungan dalam melahirkan dasar dan program yang bersesuaian untuk peningkatan prestasi seseorang. Oleh yang demikian, peranan institusi dalam pembangunan usahawan sangat penting bagi pembangunan yang seimbang dan mengelakkan situasi ketidakseimbangan dalam pembangunan.

Umumnya, terdapat pelbagai institusi yang bertindak sebagai sebuah institusi yang bertanggungjawab dan memberi bantuan atau perlindungan kepada usahawan baharu, usahawan yang sedang maju dan usahawan yang sedang menghadapi masalah serta pengusaha yang tidak mampu untuk bersaing dalam pasaran terbuka dengan menyediakan pelbagai bantuan dan sokongan bagi maksud pembangunan usahawan wanita. Bantuan dan sokongan yang disediakan adalah dilihat dari pelbagai sudut antaranya

bantuan kewangan dan bukan kewangan, bantuan prasarana dan infrastruktur serta motivasi lain bagi meningkatkan daya saing pengusaha.

Kerajaan sentiasa berusaha memastikan kesejahteraan rakyat bagi mencapai kualiti hidup yang sempurna. Justeru, kerajaan sentiasa melakukan penambahbaikan dalam mencapai kestabilan serta menangani permasalahan yang timbul dalam kalangan masyarakat dan seterusnya dapat meningkatkan kualiti hidup rakyat. Menyedari kepentingan pembangunan usahawan wanita terhadap pertumbuhan ekonomi keluarga dan negara, pelbagai organisasi dan kementerian mengenai wanita ditubuhkan sama ada di Malaysia dan juga di peringkat antarabangsa. Organisasi-organisasi tersebut adalah mempunyai matlamat yang asas iaitu untuk memperjuangkan kesamarataan dan kesaksamaan antara lelaki dan wanita dalam pelbagai aspek sama ada dalam politik, ekonomi dan perusahan dan juga sosial serta akademik.


Di Malaysia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) ditubuhkan pada 2004 yang diberi tanggungjawab bagi membina dan menilai dasar untuk mencapai kesamarataan gender, pembangunan keluarga dan masyarakat selaras hasrat kerajaan untuk menghapuskan diskriminasi terhadap wanita. Kementerian ini juga bertanggungjawab dalam membantu golongan wanita terlibat aktif di dalam sektor keusahawanan di mana dengan menceburkan diri dalam aktiviti keusahawanan, mereka mampu untuk menyumbang dalam pembangunan keluarga sekali gus dalam pembangunan negara di samping, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) turut terlibat dalam membangunkan usahawan yang berdaya saing dengan berusaha untuk mewujudkan 30 peratus penduduk desa terlibat dalam aktiviti keusahawanan.

Hasil daripada usaha dan sokongan kerajaan melalui kementerian ini mampu untuk menarik minat kaum wanita untuk bergelar usahawan. Fenomena ini diperkukuhkan lagi di mana bidang keusahawanan merupakan satu pilihan kerjaya bagi kebanyakan wanita masa kini kerana ia dapat menyediakan keseimbangan dan fleksibiliti yang tidak terdapat dalam kebanyakan kerjaya yang lain (DeMartino & Barbato 2003). Hal ini kerana, dalam sejarah perkembangan ekonomi negara, sekitar tahun 60-an dan 70-an sebelum penggubalan DEB, tidak ada tumpuan khusus melibatkan sokongan dan bantuan yang ditawarkan bagi menggalakkan penglibatan wanita di dalam perniagaan dan perusahaan kecil dan sederhana (Lang & Sieh 1994; Jamilah 1992). Namun demikian, menjelang tahun 80-an, kesedaran berkaitan sumbangan kaum wanita semakin ditekankan, namun masih tiada peruntukan khas untuk melibatkan kaum wanita di dalam proses pembangunan ekonomi. Bagaimanapun, menjelang tahun 90-an dalam Rancangan Malaysia Keenam (RMK-6) (1991-1995), kerajaan telah berusaha meningkatkan penglibatan wanita melalui pelaksanaan Dasar Wanita Negara (DWN) yang bertujuan untuk memastikan kaum wanita terlibat dalam pembangunan ekonomi. Justeru, Era 20-an, kerajaan telah melihat pembangunan modal insan penting sebagai langkah yang berkesan untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi, kebajikan keluarga dan negara secara keseluruhannya.

Kesungguhan kerajaan dalam membantu usahawan wanita ini direalisasikan menerusi program- program khusus yang telah dirancang sejak Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) (2001–2005), Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) (2006–2010), Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK- 10) (2011-2015), Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) (2016-2020) dan kesinambungannya dalam Rancangan Malaysia Kedua belas (RMK-12) (2021-2025). Kerajaan membentuk sebuah pelan pembangunan PKS yang dilancarkan yang bertujuan untuk membantu PKS dalam menghadapi cabaran perniagaan dan persekitaran perniagaan global yang kompetitif.

Kerajaan menasarkankan untuk meningkatkan sumbangan produk PKS kepada pendapatan negara melalui penjualan di peringkat tempatan dan antarabangsa dan menghasilkan produk yang lebih berkualiti dan bernilai tinggi menerusi Pelan Induk PKS dan menyumbang kepada pendapatan negara. Sumbangan PKS kepada pendapatan negara pada 2020 adalah sebanyak 38 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNC) dan kerajaan menasarkankan kepada 50 peratus menjelang 2030 (Berita Harian, 2020). Oleh yang demikian, objektif kajian ini adalah untuk mengkaji faktor modal insan, daya saing dan penggunaan teknologi sebagai daya kreativiti serta peranan institusi sebagai agensi pengantara bagi membantu usahawan dalam mempertingkatkan prestasi dan mengembangkan bakat pengusaha wanita menjadi usahawan berjaya seiring dengan Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN2030). Kesinambungannya, tentang keseluruhan kajian diterjemahkan di dalam Rajah 1.

Kerangka Konseptual: Peranan Institusi: Modal Insan, Daya Saing dan Keusahawanan Digital dalam Pembangunan Prestasi Usahawan Wanita



Rajah 1: Peranan Institusi: Modal insan, daya saing dan keusahawanan digital dalam pembangunan prestasi usahawan wanita

Menelusuri Rajah 1, pembangunan modal insan dan daya saing serta keusahawanan digital adalah ditekankan bagi peningkatan prestasi pengusaha melalui peranan institusi. Pembangunan modal insan penting bagi pembangunan diri di samping peranan institusi yang signifikan dalam membangunkan daya saing pengusaha melalui program-program yang dilaksanakan. Justeru, peranan agensi kerajaan dalam pembangunan modal insan dan daya saing berhubungan rapat dalam peningkatan prestasi pengusaha wanita di Malaysia. Senario ekonomi masa kini memerlukan usahawan yang bukan sahaja mempunyai pengetahuan yang baik, tetapi juga daya saing yang tinggi. Oleh yang demikian, sokongan institusi diperlukan sebagai pemangkin ke arah peningkatan prestasi pengusaha. Lantaran tersebut, penekanan terhadap faktor modal insan, daya saing dan keusahawanan digital serta peranan institusi dilihat penting dan dapat menyumbang kepada peningkatan prestasi usahawan (Nor Azira et al., 2023).

Modal insan merupakan satu set kemahiran dan bakat yang dimiliki oleh seseorang dan merupakan aspek yang penting sebagai penyumbang kepada peningkatan prestasi pengusaha (Rahmah 2012, Rosman & Mohd Rosli 2011 dan Rogoff, Lee & Suh 2004). Penekanan kepada faktor modal insan adalah berkemampuan dalam meningkatkan potensi dan kemahiran seseorang. Modal insan juga diklasifikasikan sebagai ciri-ciri yang dimiliki oleh seseorang yang menjadikan seseorang itu lebih kreatif dan produktif. Di samping itu, modal insan adalah tidak dapat dipindahkan atau diperdagangkan daripada seorang kepada seorang yang lain tetapi perlu melakukan pelaburan untuk mendapatkannya. Lantaran, modal insan adalah dibentuk dan dipupuk melalui pelaburan yang dilakukan terhadap pendidikan, latihan dan kemahiran, sokongan sosial yang diterima dalam pembangunan modal insan di samping aspek pengalaman dan kreativiti yang dimiliki (Mohd Fauzi & Mohd Khairul Naim 2012; Rosman & Mohd Rosli 2011).

Peranan daya saing perlu seiring dengan modal insan. Daya saing merupakan sumber yang menjadikan seseorang pengusaha memperoleh jaringan personal, rakan kongsi, entiti perniagaan dan lain-lain kumpulan yang menyediakan pelbagai jenis bantuan dan sokongan kepada sesebuah perniagaan. Menurut Lin, Li & Chen (2006) dan Sharir & Lerner (2006), sumber-sumber ini merupakan pelengkap kepada keupayaan dan kejayaan sesebuah perniagaan. Para usahawan perlu meningkatkan daya saing untuk menjana sumber yang diperlukan untuk berkembang dan terus hidup. Modal sosial mampu membentuk keupayaan para usahawan dalam memudahkan penyaluran sumber dan meneruskan serta mengembangkan perniagaan (Radin Siti Aishah & Zaidatul Akmaliah 2013). Menurut (OECD 2001), modal sosial dan daya saing yang tinggi dapat dicapai melalui sokongan politik dan dasar kerajaan. Usahawan perlu bersikap proaktif dan inovatif dalam mengenal pasti peluang yang disediakan supaya perusahaan yang diusahakan dapat bertahan dan berdaya saing. Justeru, peranan kerajaan penting dalam menyokong perkembangan PKS dengan menggalakkan daya saing yang sihat dalam kalangan pengusaha. Daya saing merupakan salah satu strategi kerajaan untuk menggalakkan lebih ramai usahawan baru terlibat dalam aktiviti keusahawanan dan sangat berkait rapat dengan modal insan.

Mutakhir ini, perniagaan yang dijalankan secara dalam talian semakin mendapat tempat dalam kalangan usahawan terutamanya usahawan wanita. Pelbagai aplikasi atau peranti yang digunakan melalui internet dan berkembang secara lebih menyeluruh. Penglibatan pengusaha wanita dalam bidang keusahawanan telah meningkat dengan ketara seiring dengan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi hari ini. Apatah lagi pengusaha wanita dikatakan lebih sabar dalam melayan kehendak dan pertanyaan pelanggan di dalam talian. Terdapat pelbagai aplikasi dalam talian yang digunakan oleh usahawan, antaranya adalah *Facebook*, *Instagram*, *Blog*, *Twitter* dan juga aplikasi e-perniagaan untuk meningkatkan capaian urusan perniagaan dan juga mempermudah urusan jual beli barangan. Peniaga yang ingin terus kekal bersaing dalam pasaran perlu memahami bagaimana

pengguna media sosial di saluran yang berbeza berfikir dan peniaga perlu bekerja lebih keras untuk membuat pengiklanan yang unik di setiap platform. Ini kerana pengguna lebih arif dalam pilihan mereka dan mempunyai jangkauan tertentu terhadap pilihan mereka. Oleh itu, peniaga perlu bijak memilih saluran media yang terbaik dan perlu lebih kreatif ketika membuat iklan di media sosial mereka untuk memastikan keberkesanan media sosial yang digunakan. Sebagai kesimpulan, media sosial boleh membantu sesebuah jenama dalam memperolehi kelebihan daya saing dalam pertempuran sengit hari ini untuk meraih perhatian pengguna.

Kajian oleh Mostafa, Wheeler dan Jones (2006) telah mendapati usahawan yang mempunyai capaian internet yang tinggi menunjukkan peningkatan dalam memperluaskan hasil perniagaan mereka. Justeru perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi dilihat sebagai pemangkin kepada perluasan perniagaan terutamanya dalam perniagaan secara dalam talian. Oleh yang demikian, untuk menjadi usahawan yang berjaya, perlu mempunyai sifat kreatif dan inovatif yang tinggi yang dapat menzahirkan idea dan mencipta produk baharu terutama sekali dalam menghadapi persaingan. Di samping itu, sikap proaktif dan berani mengambil risiko perlu ada dalam diri seorang usahawan. Oleh yang demikian, penggunaan teknologi maklumat perlu ditambahbaik dalam kalangan pengusaha bagi memastikan mereka sentiasa berkembang seiring dengan kemajuan teknologi. Namun kecekapan dalam bidang teknologi maklumat semata-mata tidak akan dapat menzahirkan usahawan yang berjaya kerana seorang pengusaha perlu mempunyai ciri-ciri keusahawanan itu sendiri antaranya minat terhadap keusahawanan, sentiasa melakukan inovasi dan berfikiran kreatif, serta sanggup mengambil risiko perniagaan yang perlu dihadapi.

Peranan institusi yang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pembangunan usahawan perlu diketengahkan bagi memastikan institusi mengetahui permasalahan sebenar yang dihadapi oleh usahawan wanita ini. Hal ini bagi memastikan dasar sokongan kerajaan dengan kerjasama institusi berjaya dan seterusnya dapat mengurangkan masalah kegagalan pengusaha di samping dapat wanita terlibat dalam perniagaan berbentuk mikro, kecil dan sederhana sehingga berskala besar. Oleh itu, peranan institusi dan agensi yang terlibat dalam pembangunan usahawan adalah signifikan memandangkan setiap agensi mementingkan aspek modal insan dan daya saing dari peringkat pendidikan sehingga aspek pembangunan usahawan serta sentiasa menerapkan aspek keusahawanan digital dalam perusahaan.

Kajian ini menumpukan kepada golongan wanita memandangkan wanita dilihat mempunyai potensi dan mampu untuk berjaya. Bagaimanapun, mereka tidak mendapat kepercayaan dan peluang yang baik untuk bergelar seorang usahawan yang berjaya dan masih ketinggalan berbanding dengan usahawan lelaki. Justeru, masih wujud diskriminasi gender yang pada asasnya memerlukan prinsip kesamarataan dan keharmonian, namun secara kenyataannya berlaku perbezaan atau diskriminasi serta seumpamanya di satu pihak dan sering berlaku di kawasan luar bandar dalam bidang ekonomi, sosial, budaya dan pendidikan malahan politik. Diskriminasi gender menyebabkan penurunan taraf kesihatan, pendidikan dan aktiviti pembangunan negara terjejas. Justeru, kajian ini memilih golongan wanita sebagai sampel kajian bagi melihat faktor modal insan dan daya saing serta struktur sosial yang menyumbang dan mempengaruhi kepada prestasi mereka dalam perusahaan yang terdiri daripada faktor umur, tahap pendidikan dan tahun pengalaman dalam perniagaan sebagai faktor kawalan terhadap modal insan dan daya saing dalam mempengaruhi prestasi pengusaha.

Selain daripada kajian lepas, kajian ini berlandaskan kepada teori modal insan dan institusi yang mana menekankan aspek pendidikan, latihan, pengalaman dan sokongan sosial serta peranan institusi dalam memberi bantuan sama ada dalam bentuk kewangan dan bukan kewangan. Bagaimanapun, kajian ini lebih menumpukan kepada faktor modal insan yang lebih menjurus kepada bidang keusahawanan yang melihat faktor pengalaman dan sokongan sosial lebih diperlukan dalam pembangunan modal insan seseorang terutamanya seorang pengusaha di samping aspek pendidikan dan latihan. Kajian ini menentengahkan faktor kreativiti yang mampu meningkatkan modal insan seseorang yang boleh menyumbang kepada peningkatan prestasi pengusaha dalam perusahaan. Oleh yang demikian, dengan faktor-faktor modal insan dan daya saing ini dapat meningkatkan lagi aktiviti keusahawanan yang mana golongan wanita mampu untuk melonjakkan diri mereka menjadi usahawan yang berjaya, kreatif, inovatif dan mampu mencipta produk baharu melalui kreativiti dan inovasi dan memberikan perkhidmatan yang diperlukan untuk memenuhi keperluan pengguna serta menerapkan keusahawanan digital dan teknologi terkini dalam perniagaan. Selain itu, pengusaha yang berjaya mampu menyediakan peluang pekerjaan yang baharu dan sekali gus mampu meningkatkan pendapatan masyarakat sekeliling dan seterusnya mampu mencapai maksud peningkatan prestasi pengusaha. Pengusaha mampu menawarkan pekerjaan kepada masyarakat seiring dengan pihak kerajaan melalui kegiatan perindustrian, perladangan, perkilangan, hartanah, dan sebagainya terutama dalam sektor PKS melalui faktor-faktor modal insan, daya saing dan keusahawanan digital ini.


KAEDAH KAJIAN

Dalam konteks kajian ini, reka bentuk kajian bukan eksperimen di mana kajian secara tinjauan (*survey*) dilakukan terhadap responden kajian, bagi mengkaji aspek modal insan, daya saing dan keusahawanan digital ke arah peningkatan prestasi usahawan wanita. Kajian tinjauan di bawah kategori reka bentuk kajian bukan eksperimen dilihat sesuai digunakan bagi tujuan pengumpulan data yang berkaitan dengan pandangan responden. Kesinambungannya, bagi proses mendapatkan data di dalam kajian ini, kepelbagaian kaedah (*multi-method*) digunakan. Dalam kajian ini, pendekatan ini adalah dipilih berdasarkan kepada beberapa asas utama dalam kajian ini yang memerlukan kepada kedua-dua bentuk pendekatan tersebut bagi mencari jawapan kepada persoalan kajian. Hal ini dijelaskan lagi oleh Creswell (2012) yang menyatakan bahawa, asas pemilihan kepelbagaian kaedah disebabkan oleh penyelidik ingin memahami dengan lebih mendalam berkenaan dengan isu yang dikaji, mendapat gambaran yang lebih jelas serta membentuk perspektif yang baharu dalam menjawab persoalan kajian sekaligus mencari penyelesaian kepada permasalahan tersebut. Justeru itu, berasaskan kepada pandangan Creswell tersebut, maka pendekatan ini menjadi pilihan dan dilihat lebih sesuai untuk digunakan.

Dalam kajian keusahawanan, kajian terdahulu atau pengumpulan data kajian merupakan aset terpenting dalam sesebuah kajian. Tanpa adanya data, sesuatu kajian tidak akan berjaya mencapai matlamatnya. Dalam bidang penyelidikan, terdapat dua jenis data yang wujud iaitu data primer dan data sekunder. Data primer adalah data asli atau data mentah yang diperoleh daripada sumber pertama misalnya melalui kajian lapangan. Data sekunder pula adalah data yang telah diolah dan biasanya diperoleh melalui kajian kepustakaan (Sulaiman, 2005). Dalam kajian literatur ini, penggunaan kaedah kepustakaan dan kajian teks sepenuhnya adalah digunakan bagi mendapatkan sumber sekunder. Menurut Mohd Shaffie (1991), kajian kepustakaan merupakan kaedah yang digunakan oleh seseorang penyelidik atau penulis untuk mendapat data dan bukti melalui kajian lepas ke atas dokumen dan rekod-rekod yang sedia ada. Langkah ini membolehkan pengumpulan data yang bersifat sekunder dapat dilakukan bagi menyokong dapatan kajian. Fungsinya adalah bagi memberikan gambaran permulaan dan hala tuju kajian. Penulis akan mendapatkan maklumat berkenaan kajian yang dilakukan dan dalam konteks ini adalah menjurus kepada peranan institusi dalam pembangunan keusahawanan wanita, aspek modal insan, daya saing dan keusahawanan digital. Penulis memperoleh maklumat berkenaan melalui laman web rasmi berkaitan, buku-buku, latihan ilmiah, tesis, laporan, serta turut memanfaatkan kemudahan jurnal dalam talian dan sebagainya. Melalui kaedah ini, pengkaji dapat melihat dan mengenal pasti kelompokan kajian lepas yang boleh membentuk suatu permasalahan kajian yang ampuh. Selain berfungsi untuk mendapatkan maklumat mengenai definisi konsep, teori-teori dan fakta yang berkaitan dengan kajian.

Kajian ini menggunakan kaedah penjelasan iaitu menggunakan teknik kuantitatif dengan penganalisisan menggunakan *software Statistical Package for Social Studies Version 29 (SPSS)* dan disusuli dengan kualitatif dengan kaedah analisis kandungan yang bertujuan untuk mengesahkan, mengukuhkan dan menjelaskan hasil dapatan daripada data yang diperoleh melalui pendekatan kuantitatif. Menurut Creswell (2012), kaedah ini dikenali sebagai reka bentuk kajian berbentuk penjelasan (*explanatory research design*). Kaedah ini mempunyai dua fasa iaitu yang bermula dengan pendekatan kuantitatif, dan data dari kuantitatif dianalisis, seterusnya hasil dapatan daripada kuantitatif diteruskan dengan pendekatan kualitatif bagi mengesahkan hasil dapatan kuantitatif tersebut melalui kaedah temu bual dan kajian kepustakaan, dan kemudiannya kedua-dua hasil dapatan tersebut diinterpretasi seperti di Rajah 2.

Reka Bentuk Kajian Penjelasan Berterusan




Rajah 2: Reka bentuk kajian penjelasan berturutan
Sumber: Diubahsuai dari Creswell (2012)

HASIL DAPATAN KAJIAN KUANTITATIF

Demografi Pengusaha Wanita

Umur


Hasil dapatan kajian, secara keseluruhannya, daripada 284 orang pengusaha wanita, bilangan pengusaha wanita yang mengusahakan perusahaan berbentuk PKS adalah dalam lingkungan umur pertengahan iaitu dalam kategori umur 31 sehingga 45 tahun iaitu lebih daripada separuh pengusaha iaitu seramai 230 orang (81 peratus) diikuti pengusaha muda yang berumur 20 hingga 30 tahun iaitu seramai 35 orang (12.3 peratus) dan bakinya adalah pengusaha yang lebih daripada 46 tahun ke atas (6.7 peratus) seperti terlihat di dalam Rajah 3.



Rajah 3: Umur dalam kalangan pengusaha wanita (%)

Kelulusan Akademik


Kelulusan akademik merupakan salah satu faktor latar belakang responden yang penting dalam kajian keusahawanan memandangkan dalam aspek pembangunan modal insan, pendidikan adalah faktor yang penting. Kajian ini menetapkan lapan tahap pendidikan dalam kalangan responden. Daripada 284 pengusaha, sebanyak 118 pengusaha (41.6 peratus) adalah berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), diikuti pengusaha yang memiliki Diploma atau Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) iaitu sebanyak 77 orang pengusaha (27.1 peratus) serta 41 pengusaha yang memiliki kelulusan di peringkat Sijil (14.4 peratus). Seterusnya adalah pengusaha yang memiliki sijil Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau Sijil Rendah Pelajaran (SRP) iaitu seramai 17 orang diikuti pengusaha yang mempunyai kelulusan di peringkat Ijazah iaitu seramai 12 orang (4.2 peratus) serta pengusaha yang hanya bersekolah rendah iaitu seramai 12 orang (4.2 peratus). Bagaimanapun, terdapat enam orang pengusaha yang berkelulusan tinggi di peringkat Sarjana iaitu seramai enam orang (2.1 peratus) seperti yang terlihat dalam Rajah 4. Justeru, adalah dapat dilihat kategori kelulusan akademik bagi kebanyakan pengusaha wanita adalah berkelulusan SPM.



Rajah 4: Kelulusan akademik dalam kalangan pengusaha wanita (%)

Sebab Menceburi Bidang Keusahawanan


Tujuan seseorang usahawan wanita itu menceburkan diri dalam bidang perniagaan mendapati daripada 284 soal selidik yang diedarkan kepada responden, sebanyak 87 orang usahawan wanita (30.6 peratus) menceburi bidang perniagaan adalah atas dasar minat dalam bidang perniagaan, manakala seramai 60 orang usahawan wanita (21.1 peratus) menjalankan perniagaan untuk menjadikan bidang perniagaan sebagai punca utama pendapatan mereka. Seterusnya 56 orang usahawan wanita (19.7 peratus) menyatakan sebab mereka menceburkan diri dalam bidang perniagaan adalah kerana mendapat sokongan daripada pihak kerajaan. Di samping itu, seramai 31 orang usahawan wanita (11.0 peratus) menceburkan diri dalam bidang perniagaan kerana perniagaan dijadikan sebagai kerjaya sampingan mereka dan seramai 22 orang usahawan wanita (7.8 peratus) menjalankan perniagaan kerana tidak berpuas hati dengan pekerjaan terdahulu. Selain itu, terdapat juga usahawan wanita yang menceburi bidang perniagaan kerana sokongan daripada keluarga dan juga mewarisi perniagaan daripada keluarga yang masing-masing berjumlah seramai 16 orang (5.6 peratus) dan 12 orang (4.2 peratus) seperti yang terlihat dalam Rajah 5.



Rajah 5: Sebab menceburi bidang perniagaan dalam kalangan pengusaha wanita (%)

Jenis Perniagaan

Kebanyakan para usahawan wanita adalah menjalankan perniagaan yang berasaskan makanan dan minuman. Daripada 284, berdasarkan Rajah 6, jenis perniagaan yang melibatkan makanan dan minuman adalah paling tinggi diusahakan oleh usahawan wanita iaitu seramai 111 orang (39 peratus) manakala jumlah kedua tertinggi adalah seramai 50 orang usahawan wanita (17.6 peratus) yang menjalankan perusahaan menjual kain, pakaian dan tudung. Jenis perniagaan yang melibatkan sektor kecantikan pula menunjukkan jumlah ketiga tertinggi iaitu seramai 46 orang (16.2 peratus) dan diikuti seramai 21 orang usahawan wanita (7.4 peratus) yang mengusahakan kedai buku. Selain itu, terdapat seramai 17 orang usahawan wanita (6.0 peratus) dan 17 orang usahawan wanita (6.0 peratus) masing-masing yang mengusahakan perniagaan kedai runcit dan juga kedai jahitan.




Rajah 6: Jenis perniagaan/perusahaan dalam kalangan pengusaha wanita (%)

Bilangan Pekerja

Maklumat berkenaan jumlah bilangan pekerja dalam sesebuah perusahaan adalah penting kerana dengan pertambahan jumlah pekerja menunjukkan berlakunya perkembangan atau peningkatan kemajuan dalam sesebuah perusahaan. Justeru, bahagian ini melihat kepada jumlah bilangan pekerja yang terdapat di dalam perusahaan yang dijalankan oleh responden kajian. Hasil dapatan menunjukkan bilangan pekerja dikategorikan kepada enam kumpulan iaitu bermula daripada tidak memiliki pekerja, sehinggalah seseorang usahawan wanita tersebut memiliki lebih dari 9 orang pekerja. Daripada 284 orang usahawan wanita, seramai 126 orang usahawan wanita (44.4 peratus) mampu memiliki seorang hingga dua orang pekerja dan diikuti seramai 75 orang usahawan wanita (26.4 peratus) yang memiliki tiga hingga empat orang pekerja.


Di samping itu, sebanyak 27 orang usahawan wanita (9.5 peratus) mampu memiliki seramai lima hingga enam orang pekerja. Daripada jumlah responden ini, hanya lima orang usahawan wanita (1.8 peratus) yang memiliki tujuh hingga lapan orang pekerja dan dua orang usahawan wanita (0.7 peratus) mampu memiliki lebih dari 9 orang pekerja. Bagaimanapun, masih terdapat 49 orang usahawan wanita (17.2 peratus) yang tidak memiliki pekerja dan menjalankan perniagaan tanpa bantuan pekerja seperti yang terdapat dalam Rajah 7. Oleh itu, berdasarkan kepada hasil dapatan dapat dinyatakan bahawa responden usahawan wanita boleh dikategorikan sebagai berjaya kerana terdapat lebih separuh daripada mereka mampu memiliki pekerja sendiri dan mampu membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat.



Rajah 7: Bilangan pekerja dalam kalangan pengusaha wanita (%)

Prestasi Perniagaan

Hasil dapatan kajian daripada 284 soal selidik yang diedarkan, seramai 229 orang pengusaha wanita (80.6 peratus) menyatakan prestasi perniagaan mereka adalah meningkat berbanding tahun sebelumnya dan seramai 43 orang pengusaha (15.2 peratus) menyatakan prestasi perniagaan mereka adalah tidak berubah. Selain itu, hanya seramai 12 orang pengusaha (4.2 peratus) menyatakan hasil perniagaan mereka adalah menurun berbanding tahun sebelumnya seperti yang terlihat dalam Rajah 8. Keadaan ini juga menunjukkan bahawa perniagaan yang diusahakan adalah berjaya memandangkan keuntungan yang diperoleh oleh pengusaha adalah meningkat dari tahun sebelumnya.




Rajah 8: Prestasi perniagaan pengusaha wanita (%)

Keperluan Utama Pengusaha Wanita

Keperluan utama pengusaha wanita adalah perlu diketengahkan memandangkan hasil dapatan kajian akan membolehkan pihak kerajaan dan institusi terlibat bagi pembangunan usahawan mengetahui keperluan pengusaha untuk meneruskan kelangsungan perusahaan yang diusahakan mereka. Dalam kajian ini, keperluan usahawan adalah terbahagi kepada enam faktor seperti sokongan sosial, sokongan kerajaan, bantuan kewangan, khidmat nasihat, latihan dan pendidikan serta infrastruktur dan prasarana.


Hasil dapatan kajian terhadap 284 usahawan wanita jelas menunjukkan daripada 284 pengusaha seramai 77 orang pengusaha (27.1 peratus) adalah memerlukan kemudahan prasarana dan infrastruktur. Seterusnya, pengusaha wanita ini memerlukan kemudahan latihan dan pendidikan iaitu seramai 64 orang (22.5 peratus) diikuti pengusaha yang memerlukan kemudahan bantuan kewangan iaitu seramai 56 orang (19.7 peratus). Selain itu, pengusaha wanita ini turut memerlukan sokongan kerajaan dan khidmat nasihat untuk meningkatkan prestasi mereka dalam perusahaan iaitu seramai 36 orang masing-masing (12.7 peratus) dan daripada 284 orang pengusaha tersebut seramai 15 orang pengusaha (5.3 peratus) menyatakan mereka memerlukan sokongan sosial seperti yang terlihat dalam Rajah 9.



Rajah 9: Keperluan utama pengusaha wanita untuk berjaya (%)

Penggunaan Teknologi Digital Dalam Perniagaan

Tidak dinafikan, dengan perkembangan teknologi hari ni yang kian meningkat, dunia tanpa sempadan dan proses globalisasi memerlukan usahawan untuk sentiasa menggunakan teknologi terkini dalam mempromosikan dan melakukan perniagaan secara dalam talian. Hasil dapatan kajian terhadap 284 usahawan wanita jelas menunjukkan daripada 284 pengusaha seramai 240 orang pengusaha wanita (84.6 peratus) adalah menggunakan dan mengadaptasikan penggunaan teknologi digital dalam perusahaan, bagaimanapun terdapat 44 pengusaha (15.4 peratus) yang masih tidak menggunakan teknologi digital dalam perniagaan dan melakukan perniagaan di premis secara fizikal seperti yang tertera di dalam Rajah 10.




Rajah 10: Penggunaan teknologi digital dalam perniagaan (%)

Saluran Perniagaan Dalam Talian

Perkembangan yang pesat dalam teknologi komunikasi maklumat kini telah berjaya membawa pendekatan yang efektif untuk mendekati para pelanggan. Interaksi melalui rangkaian media sosial adalah salah satu fenomena yang menarik lebih banyak perhatian pelanggan. Pelanggan yang wujud dalam pasaran media sosial seperti Facebook dan juga Instagram telah meningkat terutamanya sejak Pandemik Covid-19 melanda. Sejak dari itu wujud peningkatan yang ketara penggunaan media sosial dan para pengusaha yang ingin berdiri teguh dalam pasaran perlu mengambil peluang ini dengan menggunakan strategi yang berkesan untuk mendekati pelanggan untuk memperkenalkan jenama kepada pasaran dan pelanggan.

Hasil dapatan daripada 284 pengusaha wanita menunjukkan bahawa seramai 99 orang usahawan wanita (34.8 peratus) menggunakan saluran Facebook, seramai 78 orang usahawan wanita (27.5 peratus) menggunakan TikTok. Di samping itu, terdapat juga usahawan wanita yang menggunakan Instagram dalam mempromosikan produk mereka seramai 68 (24 peratus) dan 23 orang usahawan wanita (8.1 peratus) menggunakan saluran Lemon8. Selain itu, hanya seramai 16 orang usahawan wanita (5.6 peratus) menggunakan saluran Twitter seperti yang terlihat dalam Rajah 11.



Rajah 11: Jenis penggunaan saluran media sosial pengusaha (%)

Faktor Yang Mempengaruhi Prestasi Usahawan Wanita

Bagi menjawab persoalan kajian 1, analisis regresi pelbagai (*multiple regression*) dilaksanakan. Analisis ini adalah berdasarkan kepada hasil dapatan yang diperoleh daripada 284 orang responden dalam kalangan usahawan wanita. Sebelum melaksanakan ujian analisis regresi pelbagai, ujian normaliti terhadap dapatan data dilakukan terlebih dahulu untuk memastikan bahawa taburan data yang diperoleh adalah bertaburan secara normal. Hal ini bagi memastikan analisis berbentuk parametrik seperti analisis regresi pelbagai dapat dilaksanakan. Jadual 1 berikut menunjukkan nilai *Skewness* dan *Kurtosis* bagi setiap pemboleh ubah serta dimensi-dimensi yang membentuk kepada konstruk pemboleh ubah tersebut berdasarkan data yang diperoleh. Berdasarkan jadual tersebut, semua nilai skewness dan kurtosis menunjukkan bahawa taburan data berada di dalam lingkungan ± 1.96 . Ini menunjukkan bahawa taburan data bagi mengukur pemboleh ubah dan dimensi konstruk pemboleh ubah adalah bertaburan secara normal. Justeru itu,

berdasarkan hasil ujian normaliti, membolehkan data tersebut di analisa menggunakan ujian parametrik seperti analisis regresi pelbagai.

Jadual 1: Ujian normaliti terhadap pemboleh ubah

Pembolehubah	Dimensi/faktor	Skewness	Kurtosis
Modal Insan	Pendidikan dan Latihan	-.860	.398
	Pengalaman Perniagaan	-1.177	1.861
	Sokongan Sosial	-1.201	1.742
	Kreativiti	-.609	.328
Daya Saing	Bantuan kewangan	-1.012	1.001
	Iltizam Perniagaan	-.603	.603
	Prasarana dan Infrastruktur	-.962	1.068
Keusahwanan Digital	Prasara dan Infrastruktur	-.652	.488
	Teknologi dalam talian	-1.316	1.376
Prestasi Usahawan Wanita		-.608	.329
		.445	-.967

Ujian Regresi Pelbagai (Multiple Regression)

Seterusnya ujian regresi pelbagai dilaksanakan terhadap data yang diperoleh daripada responden bagi menjawab persoalan kajian yang pertama “Adakah modal insan, daya saing dan keusahawanan digital dapat mempengaruhi prestasi usahawan wanita?”. Dalam menjawab persoalan kajian ini, satu hipotesis *null* di bentuk bagi menguji pemboleh ubah modal insan, daya saing dan keusahawanan digital dalam mempengaruhi prestasi usahawan wanita. Hipotesis bagi persoalan kajian ini melihat kepada aspek modal insan, daya saing dan keusahawanan digital secara terus dalam mempengaruhi prestasi usahawan wanita. Hipotesis *null* bagi persoalan kajian ini adalah seperti berikut:

H01: Modal insan, daya saing dan keusahawanan digital tidak mempengaruhi prestasi usahawan wanita

Dalam melaksanakan analisis regresi pelbagai untuk pengujian hipotesis di atas, kaedah *step-wise* digunakan dalam menganalisis regresi terhadap pemboleh ubah. Kaedah *step-wise* digunakan kerana ia merupakan kaedah yang lebih ekonomikal di mana model regresi hanya akan menjelaskan pemboleh ubah yang signifikan sahaja di dalam model kajian. Selain itu, kaedah ini juga mampu untuk mengatasi permasalahan dari sudut berlakunya isu *multi-collinearity* (Chua 2012). Jadual 2 berikut menunjukkan hasil ujian analisis regresi pelbagai yang diperoleh.

Jadual 2: Analisis regresi pelbagai bagi pembolehubah modal insan, daya saing dan keusahawanan digital terhadap prestasi usahawan wanita

Model	Pemboleh ubah	Beta	Sig	df	R ²	ΔR ²	F
1	Modal Insan	.564	.000*	1,282	.318	.318	131.409
2	Modal Insan	.407	.000*	2,281	.398	.080	92.815
	Daya Saing	.323	.000*				
3	Modal Insan	.409	.000*	2,312	.412	.081	93.512
	Keusahawanan Digital	.328	.000*				

*p ≤ .05

Hasil keputusan analisis regresi pelbagai menunjukkan bahawa terdapat tiga model yang terbentuk apabila menggunakan kaedah *step-wise* terhadap analisis regresi. Sebagaimana yang sedia maklum, kaedah *step-wise* ini hanya akan mengeluarkan model regresi yang memberikan hasil yang signifikan sahaja. Justeru, dengan terhasilnya tiga model tersebut apabila analisis dibuat terhadap tiga pemboleh ubah peramal iaitu modal insan, daya saing dan keusahawanan digital menggambarkan bahawa kombinasi atau gabungan pemboleh ubah tersebut mampu untuk meramal atau mempengaruhi prestasi usahawan wanita secara signifikan.

Secara lebih terperinci, bagi model pertama iaitu regresi di antara satu pemboleh ubah (modal insan sahaja) dalam mempengaruhi prestasi usahawan wanita, ia menunjukkan hasil dapatan yang signifikan di mana $[F(1,282) = 131.409, p < .05]$ dan hasil regresi ini menunjukkan bahawa modal insan menyumbang sebanyak 31.8 peratus kepada perubahan varians (berdasarkan kepada nilai $R^2 = .318$) terhadap prestasi usahawan wanita. Justeru, hasil dapatan ini secara jelas menunjukkan bahawa modal insan merupakan aspek utama yang menyumbang kepada peningkatan prestasi usahawan wanita.

Bagi model kedua, iaitu kombinasi di antara modal insan dan daya saing dalam mempengaruhi prestasi usahawan wanita, ia turut menunjukkan hasil dapatan yang signifikan di mana $(\beta = .323, p < .05)$ dan $[F(2,281) = 92.815, p < .05]$. Berdasarkan kepada perubahan nilai $R^2 = .08$ menunjukkan bahawa pertambahan sebanyak 8 peratus perubahan varians berlaku dalam mempengaruhi prestasi usahawan wanita apabila terdapatnya kombinasi di antara pemboleh ubah modal insan dan daya saing. Hal ini menjadikan keseluruhan perubahan varians dalam mempengaruhi prestasi usahawan wanita daripada hanya 31.8 peratus dengan hanya

berlandaskan aspek modal insan berubah kepada 39.8 peratus apabila terdapat kombinasi dengan aspek daya saing. Justeru, dapat dirumuskan bahawa kombinasi modal insan dan daya saing mampu untuk mempengaruhi hampir 40 peratus ke arah peningkatan prestasi usahawan wanita dan sekaligus menolak hipotesis *null* yang di bina, iaitu modal insan dan daya saing tidak mempengaruhi kepada peningkatan prestasi usahawan wanita.

Bagi model ketiga, iaitu kombinasi di antara modal insan dan keusahawanan digital dalam mempengaruhi prestasi usahawan wanita, ia turut menunjukkan hasil dapatan yang signifikan di mana ($\beta = .409$, $p < .05$) dan $[F(2,312) = 93.512$, $p < .05]$. Berdasarkan kepada perubahan nilai $R^2 = .08$ menunjukkan bahawa pertambahan sebanyak 8 peratus perubahan varians berlaku dalam mempengaruhi prestasi usahawan wanita apabila terdapatnya kombinasi di antara pemboleh ubah modal insan dan keusahawanan digital. Hal ini menjadikan keseluruhan perubahan varians dalam mempengaruhi prestasi usahawan wanita daripada hanya 39.8 peratus dengan hanya berlandaskan aspek modal insan berubah kepada 41.2 peratus apabila terdapat kombinasi dengan aspek keusahawanan digital. Justeru, dapat dirumuskan bahawa kombinasi modal insan dan keusahawanan digital mampu untuk mempengaruhi hampir 45 peratus ke arah peningkatan prestasi usahawan wanita dan sekaligus menolak hipotesis *null* yang di bina, iaitu modal insan, daya saing dan keusahawanan digital tidak mempengaruhi prestasi usahawan wanita.

Analisis regresi pelbagai dijalankan bagi mengetahui faktor yang mempengaruhi prestasi usahawan. Bukti empirikal daripada hasil dapatan mendapati modal insan, daya saing dan keusahawanan digital mempengaruhi prestasi usahawan wanita. Kepentingan aspek modal insan, daya saing dan keusahawanan dalam menentukan prestasi pengusaha dapat dikaitkan dengan teori modal insan. Norain & Noorah (2012) dan Fernandez & Mauro (2000) bersetuju wujudnya hubungan positif di antara modal insan, daya saing dan keusahawanan digital terhadap prestasi usahawan. Kepentingan modal insan dan sokongan kerajaan terhadap prestasi pengusaha dibuktikan oleh kajian Rosman & Mohd Rosli (2011); Garcia (2005); Mastura et al. (2004) dan Fernandez et al. (1999) yang menyifatkan modal insan merupakan faktor utama dalam menentukan daya saing sesebuah perusahaan dan seterusnya meningkatkan prestasi individu bergelar usahawan. Penemuan kajian kuantitatif mengenai hubungan positif antara modal insan, daya saing dan keusahawanan digital terhadap prestasi pengusaha wanita tersebut disahkan dan dijelaskan lagi dengan maklumat kajian kualitatif.

Maklum balas yang diterima daripada informan menunjukkan faktor modal insan, daya saing dan keusahawanan digital penting dan mempengaruhi prestasi usahawan. Mereka menjelaskan menerusi penerapan aspek modal insan dan bantuan daripada pihak kerajaan, pelbagai masalah yang dihadapi dapat diatasi, memudahkan aktiviti perniagaan mereka dan dapat memberi kesan positif terhadap perusahaan yang diusahakan mereka. Dengan modal insan, daya saing dan keusahawanan digital yang baik, mereka berpendapat prestasi pengusaha dapat ditingkatkan dari sudut keuntungan yang semakin bertambah, pusingan modal yang lebih baik, perubahan gaya hidup yang lebih baik serta dapat membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat. Begitu juga apabila perniagaan diuruskan secara dalam talian akan mampu meningkatkan prestasi mereka menjadi usahawan yang lebih berjaya. Keadaan ini adalah seiring dengan pendapat Walker & Brown (2004) yang melihat kejayaan dan prestasi usahawan dari sudut kekuatan kewangan, perubahan gaya hidup dan tanggungjawab sosial.

Berdasarkan kepada pengujian hipotesis bagi menjawab persoalan kajian pertama dalam kajian ini, menunjukkan bahawa hipotesis *null* yang dibina adalah ditolak. Hal ini bermakna aspek modal insan, daya saing dan keusahawanan digital sememangnya adalah aspek yang mampu untuk mempengaruhi prestasi usahawan wanita.

HASIL DAPATAN KAJIAN KUALITATIF

Bagi menjawab persoalan kajian 2 dan 3 iaitu sejauhmanakah perkembangan teknologi dan penggunaan internet digunakan dalam menguruskan dan mengembangkan perusahaan dalam mempengaruhi prestasi usahawan wanita? Dan bagaimana peranan institusi memberi kesan terhadap peningkatan prestasi usahawan wanita? Hasil temu bual bersama informan telah memberikan jawapan yang signifikan bagi memenuhi objektif kajian 2 dan 3.

Dalam membentuk modal insan, aspek pendidikan dan latihan merupakan asas utama yang mampu untuk menghasilkan aset dari sudut modal manusia kepada negara. Seseorang individu yang mempunyai ilmu pengetahuan, pendidikan dan kemahiran akan mampu untuk memberikan sumbangan yang lebih besar dalam pembangunan sesebuah negara (Coulter 2003). Hal ini kerana, dengan pencapaian akademik yang baik dan mempunyai kemahiran yang tinggi akan mampu untuk merubah kedudukan sosio-ekonomi individu itu sendiri dan sekiranya semakin ramai golongan ini akan menyebabkan pertumbuhan ekonomi negara menjadi semakin baik dan sekali gus mampu untuk mengurangkan permasalahan dari sudut kemiskinan (Nor Azira et al., 2021).

Hasil temu bual bersama informan yang terdiri daripada usahawan wanita serta pegawai dari agensi yang membantu usahawan turut sama menyatakan tentang kepentingan aspek pendidikan dan latihan dalam membentuk modal insan dalam usahawan wanita. Hasil kajian kualitatif terhadap informan juga turut mengakui latihan menyumbang kepada peningkatan prestasi dan mampu meningkatkan daya kreativiti mereka serta dapat meningkatkan jaringan sosial apabila menyertai latihan yang dianjurkan oleh institusi. Justeru itu, berdasarkan hasil ulasan karya dan hasil analisis kuantitatif dan kualitatif yang diperolehi, dapat difahami bahawa pendidikan dan latihan adalah aspek penting yang perlu ditekankan jika ingin membentuk aset modal insan dalam diri usahawan itu sendiri.

Seseorang usahawan itu perlu terus menghasilkan kreativiti dan inovasi bagi memastikan produk atau perusahaan yang dijalankan akan terus relevan di dalam dunia perniagaan. Hal ini kerana, tanpa kreativiti akan menyebabkan sesuatu produk atau perusahaan akan tenggelam dalam persaingan kerana perkembangan inovasi terkini yang sentiasa berlaku di samping permintaan pelanggan yang pelbagai. Fenomena ini dikenali sebagai '*creative destruction*' yang bermaksud satu bentuk kreativiti lama akan dilupakan dan ditinggalkan apabila terhasilnya satu bentuk kreativiti atau inovasi pada produk yang baharu. Sebagai contoh kegagalan

produk NOKIA atau KODAK yang satu masa dahulu merupakan satu bentuk kreativiti produk yang hebat telah ditinggalkan apabila terciptanya telefon pintar yang baharu dan juga kamera digital. Oleh itu, selain daripada pendidikan dan latihan dari sudut keusahawanan, modal insan usahawan juga perlu kepada satu bentuk ilmu pembaharuan yang dikenali sebagai pembentukan kreativiti dan inovasi. Bagi membentuk kreativiti ini, ilmu dari sudut teknologi terkini, penyelidikan dan pembangunan produk (R&D) perlu diperkasakan serta penerapan terhadap aspek keusahawanan digital perlu sentiasa dipertingkatkan.

Justeru seorang usahawan yang berusaha untuk berjaya perlu mempunyai dan memiliki daya kreativiti yang tinggi, daya berinovasi, moral dan beretika, bersemangat, amanah dan sanggup menanggung risiko dalam memastikan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan tersebut mampu memenuhi permintaan pelanggan di samping memastikan pelanggan berpuas hati dengan apa yang ditawarkan kepada mereka. Kreativiti seorang pengusaha mampu menjadikan seorang usahawan itu berdaya saing, lebih terhadap serta mampu untuk memenuhi kehendak dan keperluan pelanggan yang pelbagai (Muhammad Rashid & Jesbains Kaur 2013; Wirtz, Patricia & Lovelock 2012 dan Ab Aziz 2010).

Sebagaimana yang dinyatakan oleh Informan 1 yang merupakan pengusaha produk berasaskan kek dan biskut iaitu Tah Bakery (bukan nama sebenar), beliau menyatakan

“...bantuan prasarana seperti barang niaga, kedai yang strategik, mesin-mesin dan peralatan yang sesuai adalah sangat diutamakan oleh saya”. Beliau kemudian menjelaskan lagi bahawa, “kedai yang strategik ini penting kerana ramai peniaga yang menjual barangan yang sama, jadi untuk bersaing dengan peniaga-peniaga lain, kalau kedai kita strategik, tumpuan t akan lebih kepada kita berbanding kedai lain. Bagaimanapun, hari ini dengan penggunaan media sosial untuk mempromosikan barangan dan melakukan perniagaan akan lebih berkesan....” (2023: temu bual).

Selain itu, menurut Informan 2 Nor Tailor (bukan nama sebenar)

“...kedai yang strategik ni memang penting sebab peniaga ini akan cuba untuk kekalkan perniagaan mereka, sehingga ada yang sanggup tukar lokasi kedai dari kedai di tingkat atas ke tingkat bawah walau pun harga sewa yang perlu dibayar lebih tinggi daripada kedai di tingkat atas....” (2023: temu bual).

Kenyataan ini menunjukkan bahawa kedudukan premis yang strategik adalah sangat penting bagi usahawan untuk mengekalkan kelestarian perniagaan mereka. Hal ini kerana, kedudukan premis yang strategik akan mampu meningkatkan lagi hasil jualan produk mereka dengan meletakkan premis mereka di kawasan yang menjadi tumpuan orang ramai. Selain daripada prasarana dari sudut premis perniagaan yang strategik, prasarana dan infrastruktur dari sudut perniagaan yang sesuai juga merupakan aspek yang ditekankan oleh golongan usahawan ini. Kebanyakan mereka menyatakan bahawa ruang operasi perniagaan mestilah sesuai dengan bentuk perniagaan yang dijalankan. Hal ini kerana, bentuk perniagaan yang berbeza memerlukan bentuk ruang perniagaan yang berbeza.

Prestasi seseorang pengusaha dalam kajian ini adalah berdasarkan kepada kajian Walker & Brown (2004), di mana mereka melihat prestasi seseorang pengusaha itu berdasarkan kepada tiga sudut yang berbeza iaitu dari sudut kekuatan kewangan yang dimiliki, perubahan gaya hidup dan tanggungjawab sosial. Kenyataan Walker dan Brown ini dilihat selaras dengan pandangan Informan 3 yang merumuskan kejayaan dan peningkatan prestasi seseorang usahawan itu dapat dilihat dari tiga sudut iaitu tingkat pendapatan pengusaha, peningkatan bilangan pekerja dan pertambahan bilangan aset yang dimiliki oleh pengusaha.

“...pengukur kejayaan pengusaha adalah dilihat dari tiga aspek. Pertama, dari sudut tingkat pendapatan pengusaha sebelum dan selepas mendapat kemudahan daripada pihak institusi kerajaan. Aspek kedua adalah dilihat daripada peningkatan bilangan pekerja sebelum dan selepas menerima bantuan dan sokongan daripada pihak kerajaan. Sekiranya pengusaha mampu untuk menambahkan bilangan pekerja selepas menerima bantuan kerajaan adalah dilihat sebagai pengukur kejayaan pengusaha. Selain itu, aspek ketiga adalah dilihat daripada pertambahan bilangan aset pengusaha itu sendiri seperti pertambahan bilangan premis perniagaan dan bilangan kedai, peralatan kedai dan mesin-mesin yang semakin baik dan bertambah. Justeru program-pembangunan modal insan adalah penting bagi membina sahsiah diri pengusaha....” (2023: temu bual).

Informan 3 turut menyatakan dalam temu bual bersamanya merumuskan

“....kejayaan dan peningkatan prestasi seseorang usahawan juga dilihat dari sudut sejauh mana seseorang usahawan itu mampu bertahan dalam perniagaannya dan perniagaan yang mampu melebihi daripada tiga tahun boleh dianggap sebagai berjaya. Selain itu, dari sudut peningkatan pendapatan, pertambahan bilangan pekerja, pertambahan bilangan premis perniagaan atau ruang perniagaan, membuka peluang pekerjaan kepada orang lain dan kebolehpasaran produk usahawan tersebut serta seberapa segera seseorang usahawan itu mendapat titik pulang modal yang mana perniagaan yang rendah liabiliti atau hutangnya juga merupakan faktor yang dianggap sebagai kejayaan kepada seseorang usahawan....” (2015: temu bual).

Kesinambungan daripada itu, petunjuk prestasi usahawan dari tiga sudut pandangan Walker & Brown (2004) adalah signifikan dengan kajian ini. bagaimanapun, penjelasan daripada Informan 1 terhadap aspek kejayaan lebih banyak memfokuskan kepada prestasi kewangan atau perkembangan aset usahawan sahaja, tetapi beliau kurang menekankan kepada isu tanggungjawab sosial di mana isu tanggungjawab sosial ini hanya dinyatakan dari sudut membuka peluang pekerjaan sahaja. Hal ini kerana, bagi sesetengah usahawan seperti yang dinyatakan oleh Walker dan Brown, mereka tidak hanya meletakkan kejayaan dari sudut prestasi kewangan sebagai tanda aras kepada kejayaan mereka, sebaliknya kejayaan turut dilihat kepada prestasi bukan

perusahaan seperti memberi khidmat dan peluang kepada masyarakat, merasa mampu untuk menyumbang kembali kepada masyarakat seperti meningkatkan tahap kebajikan kepada pekerja, bersedekah, membuat kerja amal, penajaan atau sumbangan amal serta berasa puas hati dengan perniagaan dijalankan berbanding hanya menjana kepada aspek kekayaan.

Oleh yang demikian, hasil daripada temu bual dapat disimpulkan bahawa peningkatan prestasi pengusaha wanita itu dinilai dari tiga sudut yang berbeza iaitu dari sudut kekuatan kewangan, perubahan gaya hidup sebagai usahawan yang sentiasa merebut peluang untuk mengembangkan lagi perniagaan dan juga tanggungjawab sosial kepada masyarakat dengan mampu membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat. Hasil penemuan kajian ini adalah seiring dengan dapatan kajian Walker dan Brown yang melihat peningkatan prestasi dari tiga faktor tersebut. Dari sudut kestabilan perniagaan, bantuan kewangan adalah penting untuk memastikan perniagaan yang diusahakan mempunyai modal serta simpanan kewangan yang mencukupi bagi menguruskan perniagaan. Menurut pengusaha wanita ini, selalunya bantuan kewangan tidak digunakan sepenuhnya untuk membeli barangan bagi memulakan perniagaan, sebaliknya memerlukan sedikit simpanan agar dapat memastikan perniagaan yang diusahakan dirasakan lebih stabil jika masih terdapat simpanan daripada bantuan kewangan yang diberikan.

Menurut Informan 4, mereka memulakan perniagaan dengan menggunakan modal sendiri dan juga daripada bantuan kewangan yang diterima daripada pihak kerajaan. Tetapi biasanya bantuan kewangan yang diperoleh tidak digunakan sepenuhnya hanya untuk modal awal ketika memulakan perniagaan, sebaliknya perlu kepada sedikit simpanan sebagai kontingensi untuk kestabilan perniagaan sekiranya memerlukan pada masa akan datang atau berlakunya peningkatan harga barangan. Sebagaimana yang dijelaskan dalam temu bual yang dijalankan, beliau menyatakan:

“.....saya memang memulakan perniagaan dengan modal sendiri, tapi modal yang ada itu kecil dan tidak cukup, ...jadi saya memang memerlukan bantuan modal dari pihak kerajaan untuk menyokong perniagaan saya. Selalunya kita minta bantuan tu lebih sedikit, sebab kadang-kadang kita minta hari ni, tapi bila nak dapat bantuan harga barangan dah meningkat, kalau ada lebih tu selalunya akan saya simpan untuk keperluan masa depan....” (2023: temu bual).

Selain daripada aspek kestabilan ketika memulakan perniagaan, bantuan kewangan juga digunakan untuk mengembangkan lagi perniagaan. Hal ini dijelaskan oleh Informan 5 seorang pengusaha Puncak Hallaj (bukan nama sebenar) yang mana beliau menyatakan

“...pada peringkat awal hendak memulakan perniagaan, saya memang buat pinjaman dengan MARA, dan bila perniagaan makin berjaya saya buat pinjaman dengan lebih banyak untuk kembangkan perniagaan. Kalau hendak guna duit hasil keuntungan sahaja memang tidak cukup hendak kembangkan perniagaan. Jadi saya memang perlu buat pinjaman daripada kerajaan.....” (2023: temu bual).

Kenyataan ini dilihat selaras dengan penjelasan daripada Tah Bakery (bukan nama sebenar) yang menyatakan bahawa beliau turut memerlukan bantuan kewangan dari pihak kerajaan untuk mengembangkan lagi perniagaan beliau, di mana pinjaman kewangan yang dibuat adalah bertujuan untuk membeli peralatan dan mesin yang lebih baik dan canggih.

Selain itu, dalam menentukan prestasi usahawan wanita adalah faktor kreativiti usahawan itu sendiri. Berdasarkan kepada analisis temu bual responden usahawan wanita, dapat disimpulkan bahawa terdapat dua aspek utama yang dilihat menjadi penyebab mengapa faktor kreativiti ini mampu untuk mempengaruhi kepada peningkatan prestasi usahawan wanita, iaitu dari sudut mempelbagaikan lagi jenis produk yang dihasilkan dan juga meningkatkan lagi tahap kualiti produk tersebut di samping mencari jalan untuk mempromosikan barangan jualan. Dari sudut kreativiti dalam mempelbagaikan jenis produk, pada pandangan Nor Tailor (bukan nama sebenar), beliau menjelaskan bahawa

“...dalam bidang jahitan, tukang jahit ini memang perlu kreatif. Selain daripada perlu tahu fesyen terkini, kami juga perlu kreatif untuk hasilkan jenama atau keaslian barang kita sendiri serta sentiasa mempromosikan di media sosial seperti Facebook dan Instagram....”(2023: temu bual).

Manakala, bagi Tah Bakery (bukan nama sebenar) pula, beliau menyatakan

“...kreativiti ini penting, kadang kek yang dijual itu kek yang sama dengan kedai lain, tapi bila kita kreatif dan pandai untuk mencantikkan kek kita untuk nampak lebih menarik dan cantik, pelanggan akan lebih tertarik untuk memilih kek kita, jadi pada saya kreativiti itu memang penting dalam perniagaan saya dan saya akan mempromosikan kek yang saya hasilkan di dalam media sosial saya seperti Facebook, Instagram dan juga di Whatsapp....”(2023: temu bual).

Berdasarkan penjelasan daripada usahawan-usahawan wanita tersebut, jelas menunjukkan bahawa kreativiti ini mampu untuk membentuk kepelbagaian jenis produk ke dalam pasaran. Produk yang kreatif dan menarik akan lebih mendapat perhatian dan permintaan daripada pelanggan. Apabila produk yang dihasilkan mempunyai daya kreativiti yang tinggi ia sekali gus mampu untuk meningkatkan tahap mutu dan kualiti produk tersebut. Kebanyakan responden usahawan wanita bersetuju dengan adanya kreativiti dan inovasi ke atas produk serta promosi menggunakan media sosial dan menerapkan aspek digital dan teknologi terkini akan menyebabkan produk yang dihasilkan menjadi semakin laris dan menarik. Hal ini kerana pelanggan akan beranggapan bahawa produk yang dibuat dengan nilai kreativiti yang tinggi pastinya turut mempunyai tahap kualiti yang baik.

Kaedah kolaborasi antara institusi dan usahawan adalah bertujuan untuk membentuk jati diri modal insan usahawan itu sendiri. Antara aspek dari sudut modal insan yang ditekankan melalui kaedah kolaborasi ini ialah dengan memberikan pendidikan dan

latihan atau menimba pengalaman secara terus daripada pakar atau golongan usahawan yang telah berjaya. Selain itu, terdapat juga program-program seperti *'window to the world'* yang bertujuan membentuk kreativiti kepada usahawan atau memberikan idea-idea baharu daripada usahawan kepada usahawan. Secara umumnya, kaedah kolaborasi ini adalah bertujuan untuk membentuk kemahiran daripada dua sudut iaitu sudut *'soft skills'* dan juga *'hard skills'* yang mana ia lebih menjurus kepada kemahiran sosial, intelek, komunikasi atau hubungan. Sebagaimana yang dijelaskan oleh Informan 5 dalam temu bual menyatakan:

"....program daripada institusi bertujuan untuk membentuk 'soft skills' dengan 'hard skills'. Soft skills ini seperti kemahiran promosi, pengetahuan dan bagaimana untuk dapatkan sijil perniagaan, motivasi diri itu semua di bawah 'soft skills'. 'Hard skills' pula, lebih kepada kemahiran usahawan hendak membuat produk, senang kata benda-benda yang 'intangible' ini kebanyakannya 'soft skills' dan yang 'tangible' itu 'hard skills'....." (2023: temu bual).

Selain daripada kolaborasi tersebut, pendidikan pembangunan intelek usahawan juga adalah diketengahkan. Menurut Informan 6, terdapat pelbagai program pendidikan yang diberikan untuk pembangunan usahawan. Beliau menyatakan:

"...boleh dikatakan kami di agensi ini menyediakan semua program untuk pembangunan usahawan dari mula sampai akhir, dari A to Z. Dari penyediaan modal, untuk dapatkan sijil perniagaan, sewa kedai, keluarkan produk, dapatkan sijil halal, branding produk, promosi produk, reka bentuk konsep kedai, cara promosi dalam talian dan semua program ini ada disediakan...." (2023: temu bual).

Daripada pelbagai program tersebut, ia kemudiannya dapat dibahagikan kepada program-program yang berbentuk *'soft skills'* dan *'hard skills'*. Antara program *'soft skills'* yang membentuk kepada pembangunan intelek usahawan adalah seperti program pembangunan usahawan dalam talian, pendidikan tentang undang-undang perniagaan dan persijilan, pendidikan tentang penjenamaan produk, promosi produk dan konsep perusahaan. Sebagai contoh, program pembangunan usahawan dalam talian yang dianjurkan bertujuan untuk membentuk kemahiran sosial dalam talian bagi usahawan. Hal ini kerana, menurut Informan 1

"....golongan muda kini lebih cenderung untuk membeli barangan secara dalam talian dan golongan muda ini jugalah yang lebih cenderung untuk menjadi usahawan secara dalam talian, terutamanya bagi golongan wanita yang menjadi suri rumah'..." (2023: temu bual).

Selain daripada pendidikan dari sudut pembangunan intelek usahawan, pihak institusi juga sentiasa memastikan usahawan wanita yang berdaftar akan menerima sokongan dan khidmat nasihat secara berterusan dengan memantau perkembangan perusahaan mereka. Menurut Informan 7, pihak institusi terlibat seperti MARA, AIM, TEKUN turut menyediakan khidmat pakar runding kepada pengusaha dan sebahagian daripada kos untuk mendapatkan pakar runding ini adalah ditanggung oleh agensi. Di samping itu, institusi juga turut melawat usahawan yang berada di bawah seliaan mereka pada setiap tiga bulan sekali untuk membuat tinjauan dan pemantauan terhadap prestasi usahawan tersebut. Daripada hasil tinjauan dan pemantauan ini, pihak pengurusan institusi akan mengetahui sebarang masalah yang dihadapi oleh usahawan seperti masalah berkaitan pengurusan kewangan, masalah susun atur kedai dan premis, urusan pembayaran balik pinjaman dan sebagainya. Hasilnya berdasarkan permasalahan yang dihadapi, mereka akan dihantar untuk menghadiri kursus-kursus yang berkaitan dengan masalah tersebut seperti masalah berkaitan dengan pengurusan kewangan, kursus *window dressing* iaitu bagaimana untuk mempamerkan produk-produk, susun atur kedai serta memperkenalkan konsep kedai yang menarik dan teratur sehingga membolehkan pengusaha ini mendapat pengiktirafan serta kursus yang melibatkan penggunaan teknologi digital untuk mempromosikan barangan dan perkhidmatan pengusaha.

"....Pihak pengurusan sentiasa memberikan pengiktirafan kepada usahawan yang komited dan berdisiplin dalam urusan perniagaan mereka dengan memberi anugerah kepada usahawan bertujuan untuk meningkatkan lagi motivasi mereka dalam perniagaan dan juga menjadi contoh ikutan kepada usahawan yang lain...." (2023: temu bual).

Aktiviti khidmat nasihat juga dilaksanakan dengan kerjasama daripada agensi-agensi lain yang lebih pakar dalam bidang tersebut dan dengan khidmat nasihat dan penilaian terhadap prestasi usahawan, akan mampu untuk meningkatkan lagi motivasi dan keyakinan diri usahawan untuk terus menjalankan dan seterusnya mengembangkan lagi perniagaan mereka. Selain daripada pembangunan pendidikan dari sudut *soft skills*, pembangunan aspek *hard skills* dalam kalangan usahawan turut diketengahkan Sebagaimana yang dibincangkan sebelum ini dan di jelaskan oleh Informan 2 dan Informan 3, aspek *hard skills* merupakan perkara yang boleh dilihat untuk meningkatkan kecekapan usahawan dalam perniagaan. Oleh itu, pembangunan aspek ini memerlukan kepada latihan berasaskan amali untuk meningkatkan pengalaman dan seterusnya mengasah kemahiran dalam menghasilkan produk serta kemahiran perniagaan. Terdapat beberapa program yang dianjurkan bagi memberikan latihan keusahawanan kepada para usahawan dalam meningkatkan *hard skills* dalam perniagaan antaranya ialah pelaksanaan program 'Satu Daerah Satu Industri' (SDSI), Program *'Window to the World'* dan juga program *'Mentor-Mentee'*.

"....Selain itu, program 'Window to the World' merupakan program yang membentuk bakat usahawan agar menjadi lebih kreatif dalam menghasilkan dan mempersembahkan produk mereka. Usahawan akan diberi peluang untuk keluar menimba pengalaman di luar negeri Melaka untuk mengetahui bagaimana usahawan yang berjaya di negeri lain menghasilkan produk mereka dan perkara ini dapat meningkatkan lagi tahap kemahiran hard skills mereka dalam menghasilkan produk yang kreatif dan berkualiti. Program ini sekali gus akan mampu memberikan pelajaran yang baharu untuk usahawan dalam penghasilan produk, membuka peluang perniagaan baharu, serta menambahkan jaringan perniagaan dengan usahawan yang lain (2023: temu bual).

Ironinya, penekanan terhadap pembangunan modal insan, daya saing dan keusahawanan digital dengan penggunaan teknologi

dan media sosial adalah sangat penting bagi peningkatan prestasi pengusaha melalui peranan institusi. Pembangunan modal insan penting bagi pembangunan diri di samping peranan institusi yang signifikan dalam membangunkan daya saing pengusaha melalui program-program yang dilaksanakan. Justeru, peranan institusi dalam pembangunan modal insan dan daya saing serta keusahawanan digital berhubung rapat dalam peningkatan prestasi pengusaha wanita. Senario ekonomi masa kini memerlukan usahawan yang bukan sahaja mempunyai pengetahuan yang baik, tetapi juga daya saing yang tinggi. Oleh yang demikian, sokongan institusi diperlukan sebagai pemangkin ke arah peningkatan prestasi pengusaha. Lantaran tersebut, penekanan terhadap faktor modal insan, daya saing dan keusahawanan digital serta peranan institusi dilihat penting dan dapat menyumbang kepada peningkatan prestasi usahawan dalam menjadikan mereka sebagai usahawan yang berjaya.

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Dalam menghadapi keadaan ekonomi hari ini yang semakin mencabar, adalah diharapkan wanita dapat menyumbang kepada ekonomi keluarga dengan menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan dengan menerapkan konsep modal insan dan daya saing namun tidak mengabaikan penggunaan internet dan teknologi terkini bagi memastikan usahawan wanita menjadi lebih kreatif dan inovatif dalam memasarkan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan. Senario ekonomi masa kini memerlukan usahawan yang bukan sahaja mempunyai pengetahuan yang baik, kreatif dan tidak ketinggalan dalam teknologi, tetapi juga mempunyai daya saing yang tinggi. Oleh yang demikian, sokongan institusi diperlukan sebagai pemangkin ke arah peningkatan prestasi pengusaha wanita dengan menggunakan platform yang terbaik untuk memasarkan produk dan perkhidmatan mereka dengan lebih kreatif dan inovatif menggunakan perkembangan teknologi maklumat dan keusahawanan digital dapat ditingkatkan terutamanya dalam suasana ekonomi dan persekitaran yang agak meruncing hari ini dengan keadaan ekonomi dan masalah kesihatan sedunia seperti COVID-19.

Ironinya, dalam meningkatkan prestasi pengusaha, aspek modal insan dan daya saing adalah sangat perlu diterapkan dalam diri seseorang usahawan. Ini kerana, seseorang tersebut akan boleh menjadi lebih berkemahiran dan berpengetahuan dengan pelbagai program seperti pendidikan dan latihan, pengalaman perniagaan, sokongan keluarga dan kreativiti. Selain itu, dengan aspek daya saing yang baik diterapkan dalam diri seseorang usahawan tanpa rasa untuk menjatuhkan orang lain, adalah perlu perlu seperti menunjukkan kesungguhan, kemampuan, kesanggupan untuk memiliki sesuatu dan merebut peluang tanpa membiarkan peluang tersebut hilang. Dengan perkembangan teknologi digital hari ini yang boleh diterapkan dalam perniagaan akan menjadi faktor penolak kepada kejayaan usahawan hari ini. Dengan perkembangan teknologi digital terkini telah membawa perubahan model perniagaan sedia ada dan penciptaan baharu, pengenalan produk dan perkhidmatan baharu serta peningkatan kecekapan proses perniagaan yang akhirnya menjadikan perniagaan lebih berdaya saing dan lebih berjaya. Peralihan ekonomi sedia ada kepada ekonomi digital adalah penting bagi mempercepatkan pertumbuhan ekonomi tempatan dan nasional, dengan tenaga penggerak kebanyakannya adalah pengusaha kecil dan sederhana.

Justeru, peranan institusi dalam memberikan bantuan berbentuk kewangan dan bukan kewangan adalah penting dalam meningkatkan prestasi pengusaha dan akhirnya akan mampu melahirkan usahawan yang berjaya seperti pengusaha yang mempunyai kekuatan kewangan, perubahan gaya hidup yang lebih baik dan tanggungjawab sosial yang mampu diberikan kepada masyarakat seperti membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat. Di samping itu dengan penerapan aspek ekonomi digital dalam kalangan pengusaha juga adalah penting bagi memastikan usahawan hari ini lebih berpengetahuan dalam memastikan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan boleh dijual dalam pasaran secara talian tanpa mengharapkan bantuan kerajaan semata-mata terutamanya dalam penyediaan kedai secara fizikal. Namun, pihak institusi boleh memberikan sokongan dari sudut pengetahuan digital kepada usahawan bagi meningkatkan ilmu pengusaha berkaitan perkembangan teknologi hari ini yang boleh diterapkan dalam urusan perniagaan. Sokongan ini secara tidak langsung memberi tumpuan penting untuk meningkat dan merangsang daya tahan ekonomi digital negara, seterusnya membantu pengusaha serta perniagaan hari ini menjadi lebih berjaya dalam persaingan yang sihat.

Lantaran tersebut, penekanan terhadap faktor modal insan dan daya saing, keusahawanan digital serta peranan institusi dilihat penting dan dapat menyumbang kepada peningkatan prestasi usahawan wanita. Di samping itu, kajian ini diharapkan akan dapat memanfaatkan para pembuat dasar dan institusi terlibat dalam mengenal pasti kelemahan dan keperluan sebenar pengusaha wanita sebagai usaha untuk membantu mereka bagi memastikan peningkatan prestasi dan seterusnya pengusaha dapat bersaing dalam pasaran masa kini yang semakin mencabar dan mampu untuk mencipta pekerjaan.

Nilai dan budaya keusahawanan bukanlah sesuatu yang asing dalam kalangan rakyat Malaysia. Ianya merupakan nilai dan semangat yang boleh disemai dan boleh dilentur dalam setiap individu dari awal dengan penerapan nilai modal insan. Setiap usahawan yang berjaya perlu menerapkan disiplin dan kesungguhan serta sikap berdaya saing yang baik serta perlu mempunyai sikap yang positif dan keberanian dalam mengambil risiko. Oleh yang demikian, penemuan kajian mendapati aspek modal insan dan daya saing adalah sangat penting dalam memastikan keberjayaan usahawan wanita dalam perusahaan yang dijalankan. Namun tidak dinafikan, peranan institusi dalam memastikan peningkatan prestasi usahawan wanita adalah sangat relevan. Ironinya, seiring dengan perkembangan dan kemajuan negara, pengusaha perlu sentiasa memastikan aspek kreativiti dan inovasi dalam perniagaan sentiasa diterapkan antaranya menerapkan teknologi digital yang mana pengusaha bukan sahaja menjalankan perusahaan secara fizikal di premis perniagaan malah perlu menjalankan perniagaan secara dalam talian secara kreatif di media sosial.

Umumnya, terdapat pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh kerajaan bagi membangunkan usahawan wanita terutamanya dari sudut peningkatan prestasi seperti memberi bantuan kewangan, khidmat nasihat, premis perniagaan, latihan dan kursus serta program yang dapat membantu usahawan. Hasil penemuan kajian daripada soal selidik dan temu bual bersama usahawan wanita

dan pegawai terlibat mendapati usahawan wanita perlu lebih bersifat kreatif dan inovatif serta tidak mengharapkan bantuan daripada kerajaan atau institusi semata-mata untuk berjaya. Ini kerana, senario ekonomi kini memerlukan usahawan yang bukan sahaja mempunyai pengetahuan yang baik, kreatif menggunakan teknologi terkini bahkan, aspek daya saing yang tinggi diperlukan seiring dengan Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN2030). Dasar Keusahawanan ini turut menekankan kepada perlunya penekanan kepada pendidikan dan latihan keusahawanan yang berterusan. Ini penting kerana semua usahawan perlu bersedia menghadapi dan melalui Revolusi Industri 4.0. Kegagalan mengikuti perkembangan dan cabaran dari Industri 4.0 akan meminggirkan usahawan-usahawan. Justeru adalah penting bagi meningkatkan dan memperkasakan nilai keusahawanan tulen dalam setiap diri setiap individu yang ingin bergelar usahawan yang berjaya. Penemuan turut mendapati pihak-pihak berkaitan dapat merangka dan melaksanakan tindakan-tindakan susulan yang bersesuaian agar prestasi usahawan wanita dapat ditingkatkan. Kejayaan usahawan dilihat dari sudut keuntungan tahunan perniagaan, membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat sekeliling, dapat mengubah gaya hidup diri dan keluarga menjadi lebih baik. Oleh yang demikian, objektif kajian adalah tercapai yang mana modal insan dan daya saing adalah sangat mempengaruhi prestasi usahawan di samping penggunaan teknologi digital serta peranan institusi terlibat turut mempengaruhi kejayaan usahawan wanita.

RUJUKAN

- Ab. Aziz Yusof. 2010. *Pengenalan kepada Usahawan dan Keusahawanan*. Kuala Lumpur. Scholarmind Publishing.
- Abdullah Ahmad Badawi. 2007. Human Development: The Engine of Economic Growth dalam Abdullah Ahmad Badawi (Ed), *Islam Hadhari Approach: Towards A Progressive Islamic Civilisation*, Putrajaya: JAKIM.
- Acar, A. 1993. The Impact of Key Internal Factors on Firm Performance: An Empirical Study of Small Turkish Firms. *Journal of Small Business Management*, 31(4), 86-92.
- Ahmad Fazullah Mohd Zainal Bidin, Jamal Rizal Razali dan Hasnah Hussiin. 2007. *Modal Insan Konsep, Aplikasi dan Isu-isu Kontemporari dalam Cabaran Pemerkasaan Tamadun Insan*. Universiti Malaysia Pahang.
- Becker, G. S. 1964. *Human Capital*. National Bureau of Economic Research (NBER), New York.
- Berita Harian. 23 November 2020. *PKS Mampu Sumbang 50 Peratus KDNK menjelang 2030*. Diakses daripada <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/11/757468/pks-sasaran-50-peratus-sumbangan-kdnk-mampu-dicapai>. Diakses pada 20 Mac 2022.
- Berita Harian. 24 Julai 2020. *Manfaatkan Ekonomi Digital Jadi Usahawan Alaf Baharu*. Diakses daripada <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2020/07/714259/manfaatkan-ekonomi-digital-jadi-usahawan-alaf-baharu>. Diakses pada 20 Mac 2022.
- Birley, S. & Westhead, P. 1994. 'A Taxonomy of Business Start-up Reasons and their Impact on Firm Growth and Size'. *Journal of Business Venturing*, 9(1): 7-31.
- Buttner, E. H. & Moore, D. P. 1997. 'Women's Organisational Exodus to Entrepreneurship: Self-reported Motivations and Correlates with Success', *Journal of Small Business Management* 35(1): 34-46.
- Brush, C. G. 1992. 'Research on Women Business Owners: Past Trends, A New Perspective & Future Directions', *Entrepreneurship Theory & Practice* 16(4): 5-30.
- Chang, H.-J. 2001. Intellectual Property Rights and Economic Development – Historical Lessons and Emerging Issues. *Journal of Human Development*, 2(2): 287–309.
- Chang, H.-J. 2005. 'Understanding the Relationship between Institutions and Economic Development – Some Key Theoretical Issues', in H.-J. Chang (ed.), *Institutional Change and Economic Development*, Tokyo: United Nations University Press, and London: Anthem Press, pp. 17–33.
- Chang, H.-J. & P. Evans. 2005. 'The Role of Institutions in Economic Change', in G. Dymksi and S. Da Paula (eds), *Reimagining Growth*, London, Zed Press, pp. 99–129.
- Chang, H.-J. 2010. Institutions and Economic Development: Theory, Policy and History. *Journal of Institutional Economics*. 10.1017/S1744137410000378. 1-26.
- Cresswell, J. W. 2012. *Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research* (Fourth Ed). New York: Pearson.
- DeMartino, R & Barbato, R. 2003. Differences between Women and Men MBA Entrepreneur: Exploring Family Flexibility and Wealth Creation as Career Motivators. *Journal of Business Venturing* 18: 815-832.
- Fernandez, E. & Mauro, P. 2000. The role of Human Capital in Economic Growth: The Case of Spain. *IMF Working Paper*. Wp/1000/8: 1-27.
- Forsyth, D. & Hall, J. .2000. Financial Performance and the Size of a Business: Proceedings of 45th ICSB World Conference 'Entrepreneurial SME's – Engines for Growth in the Millennium'. Brisbane: *International Council for Small Business*.
- Garcia, M.U. 2005. Training and Business Performance: The Spanish Case. *International Journal of Human Resources Management*, 16(9), 1961-1710.
- Green, E. & Cohen, L. 1995. "'Women's Business': Are Women Entrepreneurs Breaking New Ground or Simply Balancing the Demands of 'Women's Work' in a New Way?", *Journal of Gender Studies* 4(3): 297-314.
- Isma Addi Jumbri & Mohamad Zahir Zainudin. 2011. Pembangunan Modal Insan dalam Kalangan Fakir dan Miskin Sebagai Usahawan: Kajian Kes di Lembaga Zakat Selangor. *Journal of Human Capital Development*. Vol. 4 No. 2: 41-56.
- Ismahdi Hj. Ismail. 2008. Pendekatan Agama Perlu Dititikberatkan Dalam Modal Insan. *Asnaf* 1/2008, m/s: 15. Shah Alam: *Lembaga Zakat Selangor*.
- Jamilah Ariffin. 1992. Readings on Women and Development in Malaysia. Kuala Lumpur: *Population Studies Unit*, University of Malaya.
- Katz, L. and Murphy, K. 1992. Changes in Relative Wages, 1963-1987: Supply and Demand Factors, *Quarterly Journal of Economics*, 108, 33-60.
- Lang, C.Y. & Sieh, L.M.L. 1994. *Women in Business: Corporate Managers and Entrepreneurs*.

- Lin, Bou-Wen., Li, Po-Chien., & Chen, Ja-Shen. 2006. Social Capital, Capabilities, and Entrepreneurial Strategies: A study of Taiwanese High-Tech New Ventures. *Technological Forecasting and Social Change*, 73(2), 168-181.
- Majlis pelancaran Dasar Keusahawanan Nasional 2030. *Teks Ucapan Perdana Menteri*. Diakses daripada <https://www.pmo.gov.my/wp-content/uploads/2019/07/Salinan-Media-Teks-Ucapan-YAB-PM-Majlis-Pelancaran-Dasar-Keusahawanan-Nasional-pada-11-Julai-2019.pdf>. Diakses pada 6 Jun 2021.
- Mastura Jaafar, T. Ramayah & Osman Mohamad. 2004. *Owner/Manager Characteristics and Business Success: A Study Among Malaysian Contractors*. Universiti Sains Malaysia.
- Mincer, J. 1970. The Distribution of Labor Income: A Survey With Special Reference to Human Capital Approach. *Journal of Economic Literature* 8:1-26.
- Mohd Fauzi Hamat & Mohd Khairul Naim Che Nordin. 2012. Tinjauan Kepentingan Pembangunan Modal Insan Di Malaysia. *Jurnal Al-Tamaddun Bil.* 7(1) 2012, 75-89.
- Mohd Shaffie. 1991. *Metodologi Penyelidikan Edisi ke-2*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mostafa, R., Wheeler, C. & Jones, M. 2005. Entrepreneurial Orientation, Commitment to the Internet and Export Performance in Small and Medium Sized Exporting Firms. *Journal of International Entrepreneurship*, 3 (4): 291-302.
- Muhammad Rashid Rajuddin & Jesbains Kaur. 2013. *Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Pembangunan Kaum Sikh Dalam Bidang Keusahawanan di Bandaraya Kuala Lumpur*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Norain Mat Lazim & Nooriah Yusof. 2012. Universiti, Pembangunan Modal Insan dan Penumpuan Ruang Komuniti Berpendidikan Tinggi di Malaysia: Suatu Ulasan Kritis. *Journal of Social Sciences and Humanities*. UKM. Vol 7. No.2.
- Nor Azira Ayob, Mohd Amar Aziz, Noor Hadzliida Ayob, Siti Nur Fathanah Abd Hamid & Yarina Ahmad. 2023. Role of Institutions in Women Entrepreneurship Development: A Literature Review on Human Capital, Competitiveness, and Digital Entrepreneurship. *Journal of Administrative Science*, Vol.20 (1),191-212
- Nor Azira Ayob, Fatin Syazwani Zulkifli, Nur Shazreen Alyssa Mansor, Mohd Amar Aziz, Noor Hadzliida Ayob. 2021. Limitation of Women Involvement in Business at Seremban, Negeri Sembilan. *Turkish Journal of Computer and Mathematics Education*, Vol. 12(3), 2547-2554.
- Nor Azira Ayob, Sity Daud & Muhamad Takiyuddin Ismail. 2016. Modal insan, Daya Saing dan Prestasi Usahawan Wanita di Malaysia: Analisis Kualitatif Usahawan Wanita Bumiputera di Melaka. *Geografia : Malaysian Journal of Society and Space*, 12 (10). pp. 56-67. ISSN 2180-2491.
- Nurazzura Mohamad Diah & Baidruel Hairiel. 2022. Adaptasi Nilai menerusi Keusahawanan Digital di Alaf Vuca dalam Kalangan Belia. *Persidangan Kependudukan Kebangsaan (PERKKS) 2022*, Bangi, Selangor.
- Radin Siti Aishah Radin A Rahman, Zaidatul Akmaliah Lope Pihie. 2013. Modal Sosial dan Keusahawanan Sosial. *Seminar Pasca Siswazah Dalam Pendidikan (GREDUC 2013)*, 672-680.
- Rahmah Ismail. 2012. *Modal Manusia Dalam Pembangunan Ekonomi Memacu Produktiviti dan Daya Saing*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Rogoff E. G, Lee M, & Suh D. 2004. Who Done It? Attributions by Entrepreneurs and Experts of the Factors That Causes and Impede of Small Business Success. *Journal of Small Business Management* 42 (4): 364-376.
- Rosman Mahmood & Mohd Rosli Mohamad. 2011. *Perusahaan Kecil dan Dilema Usahawan Melayu*. Penerbit, Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Schultz, T.W. 1960. Investment in Human Capital. *American Economic Review*, 51 (1), 1-17.
- Sharifah Mariam Alhabshi. 2014. Pelaksanaan Garis Panduan KPDNKK Dalam Konteks Pembukaan Perniagaan Pasaraya di Malaysia: Implikasi Terhadap Perniagaan Runcit di Malaysia. *Sarjana*, Vol 29, No 2, 16-31.
- Sharir, M., & Lerner, M. 2006. Gauging the Success of Social Ventures Initiated by Individual Social Entrepreneurs. *Journal of World Business*. 41(1), 6-20.
- Stein, H. 2008. *Beyond the World Bank Agenda – An Institutional Approach to Development*, Chicago: University of Chicago Press.
- SME Corp Malaysia (2022). Laman web rasmi SME Corp. *Statistik PKS*. Diakses daripada <https://www.smecorp.gov.my/index.php/my/>. Diakses pada 8 Februari 2022.
- Thuaibah@suaibah Bakar, Azlah Md Ali, Rozeyta Omar, Hishamuddin Md Som, Syaharizatul Noorizwan Mukhtar. 2007. *Penglibatan Kaum Wanita dalam Aktiviti Keusahawanan di Negeri Johor: Kajian Terhadap Faktor-Faktor Kritikal Kejayaan dan Kegagalan Pengendalian Perniagaan*. Jabatan Pembangunan Sumber Manusia, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Johor Baru.
- Walker, E. & Brown, A. 2004. What Success Factors are Important to Small Business Owners? *International Small Business Journal*, Vol. 22(6), 577-594.
- Wirtz, J., C.Patricia & C. Lovelock. 2012. *Essential of Service Marketing*. Singapore: Pearson.
- Yahaya Ibrahim & Norsiah Ahmad. 2006. Keusahawanan dan Daya Saing Usahawan Melayu di Sektor Pelancongan. *Jurnal Pengajian Melayu*, Vol 17, 16-33.